Hujung Minggu
PELITA BRUNEI
قليتا برونى
AKHBAR RASMI KERAJAAN • NEGARA BRUNEI DARUSSALAM •
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
70 TAHUN 1956-2026

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Tidak akan berlaku kiamat sehingga diangkat ilmu, banyaknya berlaku gempa, masa berlalu dengan pantas, terzahirnya fitnah-fitnah dan banyaknya pembunuhan". (Hadis Riwayat Imam Bukhari).

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.36 | SUBUH 4.46 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.29 | ZUHUR 12.05 | ASAR 3.26 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.13
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 133 | 7 NOVEMBER 2026 / 1448 جمادي الأول 27 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Janbaz Khan yang akan menamatkan perkhidmatan. - Foto : Mohammad Hasif Matzin (*Lihat muka 3*)

DBP raikan Sambutan Jubli Intan Majalah Bahana

Oleh : Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Rabu, 4 November. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Sastera dan Majalah mengadakan Majlis Sambutan Jubli Intan 60 Tahun Penerbitan Majalah Bahana 1966 – 2026 bertempat di Balai Sarmayuda, DBP, di sini.

Majlis tersebut diadakan bagi meraikan enam dekad penerbitan majalah Bahana sebagai salah sebuah wadah penting dalam perkembangan kesusasteraan Melayu di Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

>> Muka 7

Raptai penuh pastikan kelancaran majlis

Oleh : Khartini Hamir

BERAKAS, Rabu, 4 November. - Raptai penuh bagi Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2026 telah diadakan hari ini sebagai persediaan bagi memastikan kelancaran perjalanan majlis berkenaan yang dijadualkan berlangsung pada Sabtu, 7 November 2026, bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

>> Muka 5

Memacu transformasi pendidikan, memperkasa profesionalisme guru

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

TUNGKU LINK, Rabu, 4 November. - Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengurusan Pendidik, dengan kerjasama Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah (IPSHB) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), mengadakan Persidangan Hari Guru sempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-36, Tahun 2026.

Persidangan selama dua hari hingga 5 November 2026 itu berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), dengan dihadiri oleh seramai 1,200 peserta dan tetamu yang terdiri daripada para pendidik, pemimpin sekolah kerajaan dan swasta serta wakil institusi pengajian tinggi di bawah kedua-dua kementerian berkenaan.

>> Muka 6

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

Berita Utama



PENYERAHAN semula Taman Riadah Tasik Sarubing
Muka 8



22 Ahli Baharu PK terima surat lantikan
Muka 10



KERJASAMA komuniti perniagaan perkukuh sektor tenaga elektrik mampan
Muka 13



KEBERKESANAN Peranti Terjemahan Mudah Alih
Muka 27

PELITA BRUNEI

Amalan belas ihsan penting dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen,
Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Ambiae Walmursaleen,
Saidina Muhammadin Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajama'een.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.

IA merupakan satu penghormatan dan keistimewaan yang besar untuk bersama awda semua pada hari ini di Simposium Penjagaan Kesihatan Berteraskan Kasih Sayang (Compassionate Healthcare Symposium) yang julung kali diadakan ini.

Penjagaan kesihatan yang penuh ihsan bermaksud menggabungkan kecemerlangan klinikal dengan sifat ihsan, empati, dan rasa hormat bagi memastikan setiap pesakit bukan sahaja menerima rawatan, malah turut berasa didengari, difahami, dan benar-benar diberikan perhatian serta penjagaan yang sewajarnya.

Di Pusat Perubatan Jerudong Park (Jerudong Park Medical Centre), perkara ini merupakan teras kepada usaha dan matlamat kami. Misi kami adalah untuk memberikan penjagaan yang cemerlang, berkualiti tinggi dan penuh ihsan. Sifat ihsan kekal sebagai salah satu nilai teras kami, bukan sahaja terhadap pesakit dan keluarga mereka, malah terhadap rakan sekerja di kedua-dua bahagian klinikal dan bukan klinikal. Memandangkan bidang penjagaan kesihatan menjadi semakin kompleks, profesionalisme, komunikasi yang berkesan dan sifat ihsan menjadi lebih penting daripada sebelumnya bagi memastikan penjagaan yang kami berikan sentiasa menghormati, penuh empati dan benar-benar berteraskan pesakit.

Kemajuan dalam peralatan perubatan, ubat-ubatan, sistem digital, data dan teknologi baharu terus meningkatkan standard penjagaan kesihatan, mempertingkatkan kecekapan serta kualiti penjagaan yang diberikan. Namun demikian, walaupun kemajuan ini amat penting, kita tidak boleh sesekali mengabaikan elemen paling asas dalam penjagaan kesihatan, iaitu hubungan sesama insan.

Pasti akan tiba saatnya apabila keluarga menerima berita yang amat menyedihkan, jururawat mengharungi syif kerja yang panjang dan mencabar serta golongan profesional penjagaan kesihatan sendiri mengalami keletihan dan kelesuan melampau. Pada saat-saat sebegini, kita diingatkan bahawa penjagaan kesihatan bukan sekadar soal menguruskan katil hospital, memberikan ubat-ubatan atau memanfaatkan teknologi baharu. Pada hakikatnya, penjagaan kesihatan adalah tentang insan yang menjaga insan lain iaitu memahami kesakitan dan penderitaan orang lain serta bertindak balas dengan penuh empati, maruah dan ihsan.

Simposium ini merupakan peluang penting untuk kita merenung makna sebenar penjagaan yang penuh ihsan. Ihsan bukan sekadar perbuatan baik atau layanan mesra. Ia turut terserlah melalui cara kita mendengar, berkomunikasi, memberikan respons dan yang paling penting, melalui perasaan yang kita timbulkan dalam diri pesakit ketika mereka menghadapi antara saat yang paling sukar dalam kehidupan mereka.

Oleh itu, penjagaan yang berpusatkan pesakit mestilah lebih daripada sekadar satu pernyataan misi. Ia menuntut kita untuk memahami ketakutan, keperluan, kebimbangan dan harapan setiap individu di bawah jagaan kita. Apabila pesakit memasuki hospital, ramai antara mereka berada dalam keadaan yang paling terdedah dan memerlukan bantuan. Mereka meletakkan kepercayaan kepada kita dengan sesuatu yang paling berharga bagi mereka, nyawa mereka sendiri serta nyawa insan-insan yang mereka sayangi. Justeru, kita tidak seharusnya memandang rendah kesan daripada perkara-perkara kecil yang kita lakukan setiap hari. Perubatan merawat penyakit, namun sifat ihsanlah yang menyantuni insan itu sendiri.

Sifat ihsan tidak seharusnya terhad kepada pesakit sahaja, malah perlu diamalkan sesama kita. Bidang penjagaan kesihatan menuntut komitmen yang tinggi, baik dari segi fizikal mahupun emosi. Oleh itu, kita memikul tanggungjawab bersama untuk saling menyokong dan mewujudkan persekitaran di mana warga profesional kesihatan kita berasa dihargai, dihormati dan diberi perhatian sewajarnya. Dengan menjaga kebajikan mereka yang memberikan penjagaan, kita memperkukuh keupayaan kita untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan yang penuh ihsan dan berteraskan pesakit.

Memandangkan ramai antara awda kini memikul tanggungjawab yang lebih besar serta peranan kepimpinan dalam bidang masing-masing, saya menyeru awda untuk sentiasa ingat bahawa kepimpinan yang penuh ihsan adalah kunci utama dalam membina institusi penjagaan kesihatan yang penyayang. Budaya penjagaan yang penuh ihsan bermula daripada cara kita memimpin, cara kita bekerjasama dan cara kita saling menyokong. Cara kita memimpin dan menyokong pasukan kita akhirnya akan mencorakkan pengalaman pesakit yang kita santuni.

>> Muka 4



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar semasa berucap pada Simposium Penjagaan Kesihatan Berteraskan Kasih Sayang (Compassionate Healthcare Symposium) pada Khamis, 20 Ogos 2026 yang berlangsung di Dewan Kuliah RF, Jerudong.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh :
Awang Haji Mirazman Haji Othman

WAKTU SEMBAHYANG

NOVEMBER MASIHI	HARI	JAMADILAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
7	SABTU	27	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13
8	AHAD	28	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13
9	ISNIN	29	4.36	4.46	6.06	6.30	12.05	3.26	6.02	7.13
10	SELASA	30	4.36	4.46	6.07	6.30	12.05	3.26	6.02	7.14
11	RABU	1 JAMADILAKHIR	4.36	4.46	6.07	6.30	12.05	3.26	6.02	7.14
12	KHAMIS	2	4.37	4.47	6.07	6.30	12.05	3.27	6.02	7.14
13	JUMAAT	3	4.37	4.47	6.07	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan	33 25 °C	33 25 °C	32 25 °C
Pekan Bangar	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
Pekan Tutong	32 24 °C	32 24 °C	32 24 °C
Kuala Belait	32 24 °C	32 24 °C	32 24 °C

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 7 NOVEMBER 2026

Amanah sumbangan besar kepada kemajuan negara

SEORANG pekerja khususnya penjawat awam hendaklah berusaha melaksanakan tugas yang diberikan dengan baik dan sempurna, bersungguh-sungguh, mempunyai rasa tanggungjawab, menunjukkan komitmen, tidak membebankan orang lain dan menyebabkan tugasan yang diberikan dengan amanah dan tepat pada waktunya.

Justeru, kita perlu menterjemahkan amanah secara praktikal dalam pekerjaan. Antaranya amanah pada masa dan tugas yang diberikan, amanah pada harta, data yang dipertanggungjawabkan, amanah dalam perolehan dan kewangan, amanah dalam mengurus konflik kepentingan, amanah pada layanan, amanah dalam membuat keputusan dan sebagainya.

Jika sifat amanah itu telah tertanam subur di dalam diri kita, insyaaAllah tidak akan timbul masalah rasuah, penyelewengan, curi masa, curi tulang, melaksanakan kerja kurang berkualiti, cuai dan sambil lewa sahaja. Maka di sini jelaslah bahawa sifat amanah itu diibaratkan sebagai anak kunci kejayaan kepada sesuatu organisasi, syarikat, jabatan dan kementerian. Inilah sumbangan besar kita kepada kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat, seiring hala tuju pembangunan negara yang menekankan integrasi, kecemerlangan dan kesejahteraan sosial.

Sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-33, "*Dalam dunia yang semakin terbuka, kedaulatan sesebuah negara tidak lagi diukur berdasarkan pertahanan fizikal tetapi melalui kekuatan dan keberkesanan pentadbirannya. Oleh itu, Perkhidmatan Awam diibaratkan sebagai benteng kedaulatan.*

"*Ini kerana, apabila seorang penjawat awam menjalankan tugas dengan jujur dan adil, maka bermakna dia mempertahankan kedaulatan negara dari ancaman rasuah, penyalahgunaan kuasa dan keruntuhan institusi*".

Mencari rezeki atau bekerja bukanlah sekadar rutin harian, bahkan merupakan amanah dan tanggungjawab, sama ada seseorang itu bekerja sendiri, di sektor awam mahupun si sektor swasta. Dalam dunia pekerjaan masa kini, kejayaan sesebuah organisasi tidak seharusnya diukur semata-mata melalui pencapaian sasaran hasil, produktiviti dan keuntungan semata-mata, tetapi juga melalui nilai, akhlak sera budaya kerja yang diamalkan oleh warganya.

Marilah kita sama-sama berdoa semoga kita semua, sama ada yang bekerja dengan Perkhidmatan Awam ataupun yang bekerja dengan pihak swasta agar sentiasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan amanah. Mudah-mudahan segala pekerjaan yang kita lakukan itu mendapat ganjaran pahala, berkat dan rahmat yang berterusan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. **– Ketua Penyuntingan (Ad)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتريبتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتري دان دچيتق اوله قرين ت قلس سندیرین برحد، نكارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Janbaz Khan (atas dan atas kiri).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Janbaz Khan yang akan menamatkan perkhidmatan.

Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 21 April 2025.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Janbaz Khan yang akan menamatkan perkhidmatan.

BERKENAN MENERIMA MENGADAP



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Janbaz Khan (kiri dan kanan).



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, hari ini berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Janbaz Khan yang akan menamatkan perkhidmatan.

Tuan Yang Terutama Janbaz Khan telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 21 April 2025.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Qashr Al-Meezan.

PELITA BRUNEI

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN OMAN BERANGKAT MENINGGALKAN NBD





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berangkat ke The Empire Brunei bagi mengalu-alukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman berangkat bersama-sama menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Turut berangkat, paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, selaku Kerabat Pengiring (kiri sekali dan kiri).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Rabu, 4 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman serta rombongan berangkat meninggalkan Negara Brunei Darussalam (NBD) pada pagi ini setelah selesai mengadakan Keberangkatan Negara selama tiga hari.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berangkat ke The Empire Brunei bagi mengalu-alukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Oman berangkat bersama-sama menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Sultan Oman berangkat meninggalkan Negara Brunei Darussalam setelah selesai mengadakan Keberangkatan Negara selama tiga hari.

Turut berangkat ke The Empire Brunei bagi mengalu-alukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Oman ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, selaku Kerabat Pengiring.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Oman seterusnya berangkat melintasi Barisan Kawalan Kehormatan Statik yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Turut hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Oman ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Menteri Pengiring; Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Sulaiman bin Alidin dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Kesultanan Oman, Puan Yang Terutama Hajah Noralizan binti Abdul Momin.

Kebawah DYMM Sultan Oman terima kunjungan mengadap

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hasif Matzin

JERUDONG, Rabu, 4 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman berkenan menerima kunjungan mengadap daripada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri yang berlangsung di The Empire Brunei, pagi tadi.

Juga mengadakan kunjungan mengadap ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Menteri Pengiring; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, mantan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Oman serta rombongan berada ke Negara Brunei Darussalam sempena Keberangkatan Negara dari 2 hingga 4 November 2026.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman berkenan menerima kunjungan mengadap daripada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

HALUAN

>> Muka 2

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan penghargaan yang tulus kepada Pasukan Patient-Centred Care, Pasukan Sumber Manusia, para penceramah yang dihormati, serta semua pihak yang terlibat atas komitmen dan usaha gigih mereka dalam menjayakan simposium ini.

Saya menggalakkan awda semua untuk memanfaatkan sepenuhnya peluang ini untuk menimba ilmu, berkongsi pengalaman dan pandangan, serta membawa pulang segala pengajaran ini ke dalam bidang tugas masing-masing.

Yang paling utama, saya berharap agar sifat ihsan tidak sekadar menjadi tema simposium pada hari ini, malah terus memandu tindakan kita setiap hari sama ada dalam cara kita menjaga pesakit, menyokong keluarga mereka, mahupun melayan satu sama lain.

Marilah kita bersama-sama terus memperkukuh sistem penjagaan kesihatan yang bukan sahaja cemerlang dari segi klinikal, malah sarat dengan sifat ihsan, demi memberikan penjagaan terbaik kepada rakyat Brunei Darussalam.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah*, *Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

RAPTAI PENUH PASTIKAN KELANCARAN MAJLIS

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Majlis Ilmu pada tahun ini membawa tema 'Melayu Islam Beraja : Tonggak Kedaulatan Negara', yang mencerminkan kepentingan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai asas dalam memelihara identiti, perpaduan dan kedaulatan Negara Brunei Darussalam.

Hadir semasa raptai penuh tersebut ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad; Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; Menteri di JPM (Tenaga, Huluan dan Hiliran), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah; dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.


Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak dan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Raptai penuh berkenaan diadakan bagi menyelaraskan perjalanan atur cara majlis, termasuk aspek protokol, pergerakan tetamu kehormat serta persiapan teknikal dan pengurusan bagi memastikan setiap pengisian majlis dapat dilaksanakan dengan teratur dan lancar.

Sambutan Majlis Ilmu dihasratkan akan terus menjadi wadah untuk memperkukuh penghayatan falsafah MIB serta menyemarakkan budaya ilmu dalam kalangan masyarakat, selaras dengan usaha memelihara kedaulatan dan identiti negara.



YANG Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Yang Berhormat Mufti Kerajaan dan Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri semasa hadir menyaksikan raptai penuh tersebut.





SEKITAR raptai penuh bagi Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2026 yang akan berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas dan kiri).

Perkongsian strategik perkukuh jalinan persahabatan NBD, Kesultanan Oman



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 November. - Atas jemputan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman, mengadakan Keberangkatan Negara selama tiga hari ke Negara Brunei Darussalam (NBD) bermula 2 hingga 4 November 2026.

Keberangkatan Negara, yang pertama oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Oman ke NBD, menandakan satu peristiwa bersejarah dalam hubungan persaudaraan yang terjalin lama antara NBD dan Kesultanan Oman, yang terus berkembang sejak penubuhan hubungan diplomatiknya pada 24 Mac 1984.

Menggambarkan hubungan erat dan berkekalan antara kedua-dua keluarga diraja serta komitmen bersama untuk memperdalam dan meluaskan lagi semua aspek hubungan dua hala, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Sultan Oman bersetuju untuk meningkatkan hubungan antara NBD dan Kesultanan Oman kepada perkongsian strategik.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Sultan Oman seterusnya bersepakat bahawa perkongsian strategik akan berfungsi sebagai rangka kerja yang bermakna untuk memajukan hubungan dua hala dengan membina bidang kerjasama sedia ada, mengenal pasti bidang baharu untuk kepentingan bersama, dan memupuk penglibatan yang lebih erat bagi memberikan manfaat kepada rakyat kedua-dua negara.

Dalam lawatan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menganugerahkan Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B), kepada Kebawah DYMM Sultan Oman.

Kebawah DYMM Sultan Oman turut menganugerahkan Kebawah DYMM Bintang Kebesaran 'Order of Al-Said', Bintang Kebesaran Kesultanan Oman (Order of Al-Said, the Highest Order of the Sultanate of Oman).

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Sultan Oman bersama - sama melancarkan Pameran Khas Foto Jalinan Kesultanan di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kesultanan Oman bertajuk 'Merapatkan Kesultanan (Bridging the Sultanates)' di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Bandar Seri Begawan, yang mempamerkan ikatan persahabatan yang kukuh dikongsi antara kedua-dua kesultanan untuk memperingati Keberangkatan Negara yang bersejarah ini.

Semasa Keberangkatan Negara, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Sultan Oman bertukar - tukar pandangan mengenai kemajuan cemerlang yang dicapai dalam hubungan dua hala, khususnya dalam bidang pelaburan, pendidikan, budaya dan pertukaran rakyat dengan rakyat.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Sultan Oman mengakui kepentingan mengekalkan interaksi rapat melalui mekanisme dua hala yang sedia ada, termasuk Majlis Mesyuarat Dua Hala yang kerap diadakan, dan menggalakkan kedua - dua pihak untuk mengukuhkan lagi pertukaran dan dialog, mengenai isu dua hala dan pelbagai hala yang mempunyai kepentingan bersama dalam rangka kerja perkongsian strategik.

Berdasarkan momentum positif ini, Kebawah DYMM bersama Kebawah DYMM Sultan Oman menyaksikan pemeteraian beberapa Perjanjian Dua Hala dan Memorandum Persefahaman.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Sultan Oman melahirkan keyakinan bahawa pemeteraian perjanjian dan memorandum ini akan memberi peluang kepada kedua-dua negara untuk bertukar - tukar pandangan, pengalaman dan amalan terbaik dalam bidang yang berkaitan untuk menggalakkan kerjasama yang lebih luas dalam bidang yang saling menguntungkan.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Sultan Oman juga bertukar-tukar pandangan dalam pelbagai isu serantau dan antarabangsa dan Kebawah DYMM merakamkan penghargaan dan pujian kepada Kesultanan Oman, di bawah pimpinan bijaksana Kebawah DYMM Sultan Oman, atas komitmen dan sumbangannya yang tidak berbelah bahagi dalam memajukan keamanan, kestabilan dan keselamatan melalui dialog dan diplomasi.



Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Sultan Oman juga menegaskan komitmen untuk menyokong usaha yang bertujuan mencapai keamanan dan kestabilan melalui cara yang aman selaras dengan undang-undang antarabangsa.

Kebawah DYMM merakamkan penghargaan kepada Kebawah DYMM Sultan Oman kerana menerima jemputan lawatan NBD.

Kebawah DYMM Sultan Oman merakamkan ucapan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM atas layanan mesra yang diberikan kepada baginda dan delegasi baginda.

Kebawah DYMM Sultan Oman mengulangi komitmen Kesultanan Oman untuk meningkatkan lagi hubungan mesra dan meluaskan kerjasama yang saling menguntungkan dengan NBD, dan menyampaikan jemputan kepada Kebawah DYMM untuk melawat Kesultanan Oman.

MEMACU TRANSFORMASI PENDIDIKAN, MEMPERKASA PROFESIONALISME GURU



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Persidangan Hari Guru sempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2026.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

>> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat pada hari pertama ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Bertemakan 'Menjana Semula Pendidikan Untuk Masa Depan Yang Dinamik', persidangan berkenaan bertujuan memperkukuh amalan profesional dalam kalangan pendidik, menggalakkan inovasi serta memupuk kerjasama dalam sektor pendidikan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa, diikuti ucapan alu-aluan daripada Pengarah Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan, Dayang Masdiah binti Awang Haji Tuah, selaku Pengerusi Bersama persidangan.

Dalam ucapannya, beliau menjelaskan bahawa usaha menjana semula pendidikan bukan sekadar memperkenalkan teknologi atau kaedah pengajaran baharu, malah merangkumi usaha mewujudkan pengalaman pembelajaran yang inklusif, menarik dan responsif terhadap keperluan pelajar.

Menurutnya, usaha tersebut turut memerlukan pemerkasaan para guru melalui keyakinan, kompetensi serta sokongan profesional bagi menerajui perubahan yang bermakna.

Beliau turut menjelaskan bahawa persidangan berkenaan menjadi wadah pertemuan para guru, pemimpin sekolah, penyelidik dan profesional pendidikan untuk bertukar-tukar pandangan, pengalaman serta amalan inovatif.

Perbincangan persidangan berpandukan tiga bidang utama, iaitu Memperkasa Pelajar Bersedia Masa Depan, Menginovasi Ekosistem Pendidikan dan Membangunkan Sumber Manusia, yang mencerminkan komitmen bersama dalam memperkukuh pengajaran, pembelajaran serta kepimpinan pendidikan.

Acara diteruskan dengan penyampaian ucaptama bertajuk 'Reimagining Education for a Dynamic Future' oleh Presiden The Education University of Hong Kong dan Pengerusi UNESCO dalam Pembangunan Pendidikan Serantau dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, Profesor John Lee Chi-Kin.

Ucaptama berkenaan antara lain mengetengahkan trend dan peluang baharu yang membentuk hala tuju serta masa depan pendidikan.

Sesi pagi hari pertama diakhiri dengan Learning Circle bersama penyampai ucaptama, manakala sesi petang diteruskan dengan ucaptama oleh Pengerusi ASEAN Counselling Network, Dr. Frederick Low Poi Kee, yang menyentuh aspek kesihatan mental, daya tahan pelajar dan kesejahteraan dalam persekitaran pendidikan.

Bagi sesi petang hari pertama dan sesi pagi hari kedua, persidangan turut dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Pada hari kedua, persidangan diteruskan dengan syarahan plenari bertajuk 'Strengthening Teacher Professionalism Grounded in Al-Quran and Al-Hadith: Leading a Dynamic Future Education' yang disampaikan oleh Penolong Ra'es II (Hal Ehwal Akademik), KUPU SB, Dr. Dayang Norasimah binti Haji Omar.

Program turut diserikan dengan Majlis Penyampaian Sijil Akreditasi dan Penghargaan kepada peserta yang berjaya menamatkan Program Bimbingan Literasi dan Numerasi (Literacy and Numeracy Coaching Programme - LNCP 2.0) bagi Kohort 10, 11 dan 12.

Selain itu, sijil penghargaan juga disampaikan kepada Associate Facilitators (AF) dan Competency Trainers daripada Unit Tenaga Pengajar, Brunei Darussalam Leadership and Teacher Academy (BDLTA) sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan mereka dalam pembangunan profesional warga pendidik.

Persidangan hari kedua seterusnya diisi dengan pembentangan kertas penyelidikan secara selari serta bengkel interaktif yang memberi peluang kepada peserta untuk berkongsi pengetahuan, meneroka pendekatan baharu dan memperluas amalan profesional dalam bidang pendidikan.

Selaras dengan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2023-2027, persidangan berkenaan turut memberi penekanan kepada beberapa keutamaan pendidikan, antaranya transformasi digital, amalan pengajaran dan pembelajaran inovatif, kepimpinan pendidikan, keterangkuman, kesejahteraan serta pembelajaran sepanjang hayat.

Persidangan itu juga mengiktiraf peranan penting para fasilitator dan pembimbing dalam melatih serta membimbing warga pendidik, memperkukuh komuniti pembelajaran profesional dan menyokong pembangunan kepimpinan dalam sistem pendidikan negara.

Melalui penganjuran persidangan tersebut, hasil perbincangan dan perkongsian diharap dapat memperkaya dialog profesional, merangsang inovasi serta memperkukuh kerjasama antara warga pendidikan dalam memastikan para pelajar mempunyai keupayaan untuk menghadapi cabaran dan merebut peluang dalam dunia yang semakin dinamik.

Penganjuran Persidangan Hari Guru 2026 mencerminkan komitmen berterusan NBD dalam memperkasa kecemerlangan pendidikan, inovasi dan pembangunan profesional, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Mempromosikan peniaga, usahawan tempatan dalam perkhidmatan perkahwinan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman



ISTERI Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Norazimah binti Haji Ramlee hadir selaku tetamu kehormat yang seterusnya merasmikan festival tersebut.

BERAKAS, Jumaat, 6 November. - Simply Sayang Event Management petang tadi menganjurkan Brunei Wedding Festival 2026, sebuah pameran perkahwinan yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini hingga 8 November 2026, bertempat di The Atrium, The Airport Mall, Berakas.

Penganjuran festival berkenaan bertujuan mempromosikan serta membuka peluang kepada para peniaga dan usahawan tempatan dalam industri perkahwinan untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatan masing-masing kepada orang ramai.

Hadir selaku tetamu kehormat yang seterusnya merasmikan festival tersebut ialah Isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Norazimah binti Haji Ramlee.

Festival berkenaan menghimpunkan pelbagai vendor tempatan yang menawarkan perkhidmatan berkaitan perkahwinan, antaranya Agendas Brunei, Nastaeen Catering, Gubahan Anggun, Wedding Loka, Elyn Wedding Atelier, Ramo Films, Serikandi Catering serta Greenmont Hotel and Apartment, di samping beberapa vendor lain.

Sepanjang berlangsungnya festival, para pengunjung berpeluang menikmati pelbagai tarikan menarik termasuk promosi eksklusif, pakej perkahwinan istimewa serta peluang untuk bertemu dan berinteraksi secara langsung dengan para vendor tempatan.

Bagi bakal pengantin, festival ini turut menyediakan platform untuk mendapatkan maklumat, meneroka pelbagai pilihan perkhidmatan serta merancang persiapan bagi merealisasikan majlis perkahwinan impian mereka.

Selain pameran vendor, pelbagai aktiviti dan pertandingan menarik turut disediakan sepanjang tiga hari penganjuran festival berkenaan bagi memeriahkan lagi suasana.

Penganjuran Brunei Wedding Festival 2026 diharap dapat memberikan inspirasi, maklumat terkini serta peluang kepada para bakal pengantin untuk mendapatkan pelbagai tawaran dan promosi istimewa daripada vendor tempatan.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk mengunjungi Brunei Wedding Festival 2026 yang bermula pukul 10.00 pagi hingga 9.00 malam.

BRUNEI Wedding Festival 2026 menghimpunkan pelbagai vendor tempatan yang menawarkan perkhidmatan berkaitan perkahwinan.



DBP RAIKAN SAMBUTAN JUBLI INTAN MAJALAH BAHANA





YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Jubli Intan 60 Tahun Penerbitan Majalah Bahana 1966-2026 (atas dan atas kanan).

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab berkata majalah Bahana merentasi enam dasawarsa sebagai 'Wadah Hati Nurani Penulis Kreatif' yang menyimpan warisan, menyemai pemikiran dan menyuluh arah penulisan generasi akan datang dalam menjaring kesinambungan dunia kesusasteraan Melayu Brunei.

Menurut beliau, sambutan ini merupakan simbol kejayaan majalah Bahana yang kekal mempunyai pengaruh tersendiri sehingga ke hari ini, serta sebagai wadah penghormatan buat para karyawan, editor, pelukis dan penulis yang konsisten menyumbangkan karya bermutu sejak 60 tahun yang lalu.

Majlis diteruskan dengan pelancaran Majlis Sambutan Jubli Intan 60 Tahun Penerbitan Majalah Bahana 1966-2026 yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat juga melancarkan dua bahan terbitan khas DBP, iaitu Edisi Khas Majalah Bahana: Enam Dekad Suara Sastera dan Jejak Rasa Bahana.

Pelancaran kedua-dua bahan terbitan ini merupakan antara usaha DBP dalam mendokumentasikan, menghargai dan memperkenalkan kembali khazanah kesusasteraan yang telah diterbitkan melalui majalah Bahana, di samping memperkukuh peranannya sebagai wadah pengembangan bakat, pemikiran dan kreativiti penulis daripada pelbagai generasi.

Majlis turut diserikan dengan persembahan mendendangkan syair dan tayangan video yang memaparkan perjalanan majalah Bahana selama enam dekad, diikuti dengan Ristaan Pelopor Majalah Bahana yang disampaikan oleh Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Bakir.

Sementara itu, Wacana Sastera Bersama Penulis Bahana menampilkan dua orang tokoh penulis, iaitu Dr. Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid dan Profesor Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah.

Wacana berkenaan dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Sastera dan Majalah, DBP, Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Radin.

Seterusnya, tetamu kehormat menyampaikan hadiah, cenderamata dan sijil kepada 12 pemenang dan 10 hakim Peraduan Penulisan Kreatif Bahana DBP 2026 bagi genre Cerpen, Pantun, Sajak dan Syair; pembicara Ristaan Pelopor Majalah Bahana; serta pembicara dan moderator Wacana Sastera Bersama Penulis Bahana.

Bersempena dengan sambutan tersebut, Gala Aspirasi Seni turut diadakan pada 4 hingga 5 November 2026 sebagai salah satu pengisian utama sambutan tersebut.

Kegiatan ini merangkumi Jejak Bahana, Forum Sastera: Suara Tiga Generasi dan Gema Bahana yang bertujuan menyemarakkan apresiasi kesusasteraan, memperkukuh hubungan antara generasi penulis serta mendekatkan masyarakat dengan sejarah dan perkembangan majalah Bahana.

Jejak Bahana diadakan pada sebelah petang, 4 November 2026 dengan mengetengahkan aktiviti interaktif secara berkumpulan yang menguji pengetahuan, daya ingatan dan kerjasama peserta melalui penjelajahan berpandukan petunjuk.

Kegiatan tersebut memberi peluang kepada peserta untuk mengenali sejarah penerbitan, tokoh penulis dan perkembangan majalah Bahana melalui pendekatan pembelajaran yang santai dan menyeronokkan.

Ia disusuli dengan penyampaian hadiah dan cenderamata kepada para peserta.

Manakala Forum Sastera : Suara Tiga Generasi yang bertemakan 'Sastera Merentas Zaman: Wacana Cerminan Bangsa' pula diadakan pada hari Khamis, 5 November 2026.

Tetamu khas ialah Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Awang Haji Damit.

Forum ini akan menghimpunkan sembilan orang panel yang mewakili tiga generasi penulis, iaitu generasi perintis, pertengahan dan pelapis, bagi berkongsi pengalaman, pandangan serta pemikiran mengenai perkembangan kesusasteraan dan peranan majalah Bahana dalam dunia penulisan tanah air.

Gema Bahana pula dijadualkan berlangsung pada hari yang sama, bermula pada pukul 2.00 petang dengan menampilkan pelbagai persembahan kesenian dan kesusasteraan, antaranya persembahan teater oleh Kumpulan PUTRA Seni, persembahan syair oleh Hidop Zin, persembahan dindang oleh Narudin HA serta deklamasi sajak dan nyanyian puisi oleh penggiat seni.

Keseluruhan kegiatan Gala Aspirasi Seni ini diharap dapat memperluas penglibatan masyarakat, khususnya generasi muda, dalam kegiatan kesusasteraan, di samping memastikan legasi majalah Bahana terus dihargai dan diwariskan kepada generasi akan datang.

Sambutan Jubli Intan 60 Tahun Penerbitan Majalah Bahana 1966-2026 bukan sahaja menjadi ruang untuk mengenang sejarah dan pencapaian penerbitannya, bahkan memperlihatkan komitmen DBP dalam memastikan kesinambungan majalah ini sebagai wadah pengembangan kesusasteraan Melayu.

UNISSA terus melakar kecemerlangan di peringkat antarabangsa, serantau

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 6 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) terus melakar kecemerlangan di peringkat antarabangsa dan serantau dengan meraih tiga pengiktirafan sejak September 2026.

Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, UNISSA telah dianugerahkan GIFA Market Leadership Award (Education in Islamic Banking & Finance) 2026 di London, United Kingdom (UK).

UNISSA juga dinobatkan sebagai penerima anugerah kategori Leading Educational Institutions in Asia di Anugerah Asia Corporate Excellence & Sustainability (ACES) 2026 dan buat julung kalinya tersenarai dalam AppliedEdu University Rankings 2027 – ASEAN – Public Universities dengan menduduki tangga ke-86 daripada 161 universiti awam di rantau ASEAN.

Ketiga-tiga pencapaian ini meletakkan nama UNISSA dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam kalangan institusi pendidikan tinggi terkemuka di peringkat serantau dan global, sekali gus mencerminkan komitmen universiti terhadap kepimpinan, kualiti akademik dan kelestarian.

Penganugerahan tersebut berlangsung semasa Global Islamic Finance Awards Ke-16 (GIFA) 2026 yang berlangsung di Sheraton Grand London Park Lane, London, UK pada 8 September 2026.

Anugerah berprestij ini mengiktiraf komitmen UNISSA terhadap kecemerlangan akademik dalam bidang perbankan dan kewangan Islam, khususnya dalam memperkukuh kualiti akademik, penyelidikan, inovasi serta pembangunan pemimpin masa hadapan.

Pencapaian ini merupakan satu pencapaian penting bagi UNISSA dalam memperkukuh kedudukan di peringkat antarabangsa serta sumbangan kepada industri kewangan Islam global.

Majlis Anugerah GIFA diadakan setiap tahun bagi mengetengahkan, menggalakkan dan memberi penghargaan kepada prestasi dan sumbangan cemerlang terhadap pertumbuhan komuniti perbankan dan kewangan Islam global, dengan matlamat utama memupuk tanggungjawab sosial, pematuhan syariah dan komitmen terhadap perbankan dan kewangan Islam.

Pengumuman anugerah ACES telah dibuat semasa Majlis Anugerah ACES 2026 yang berlangsung pada 15 dan 16 Oktober 2026 di Kuala Lumpur, Malaysia. UNISSA merupakan salah satu daripada dua buah institusi pendidikan yang menerima pengiktirafan dalam kategori tersebut pada tahun ini, bersama-sama Universidad de Zamboanga dari Filipina.

Anugerah ACES yang ditubuhkan pada tahun 2014 kini memasuki edisi ke-13, dan memberi pengiktirafan kepada pemimpin dan organisasi di seluruh Asia yang menunjukkan kecemerlangan dalam kepimpinan, prestasi organisasi dan kelestarian. Edisi tahun ini membawakan tema 'Beyond Business', yang menekankan kepimpinan yang bertanggungjawab sebagai amalan kebiasaan dalam setiap organisasi.

Penilaian dijalankan oleh Majlis ACES melalui proses berperingkat, iaitu penyaringan awal, audit dan temu duga, sebelum keputusan muktamad dibuat. Penilaian tersebut berpandukan kerangka ACES LEAD™ yang merangkumi empat tonggak utama: Kepimpinan dan Wawasan; Perusahaan dan Prestasi; Akauntabiliti dan Etika serta Pembangunan dan Impak Sosial.

Menurut kenyataan rasmi ACES Awards Council, UNISSA diiktiraf atas peranannya dalam memajukan pendidikan tinggi Islam melalui pendekatan yang mengintegrasikan nilai-nilai Islam, inovasi dan kemampanan.





UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali melakar kecemerlangan di peringkat antarabangsa dan serantau dengan meraih tiga pengiktirafan sejak September 2026 (atas kiri dan atas kanan).

Usaha universiti dalam memperkukuh tadbir urus, membangunkan kurikulum yang relevan serta memperluas kerjasama strategik turut diketengahkan. Dokumen rasmi ACES Awards 2026 juga menonjolkan pencapaian penarafan lima bintang QS Stars serta kedudukan UNISSA di tempat ke-147 dunia dalam World University Rankings for Innovation (WURI) 2026.

Dalam AppliedEdu University Rankings 2027 – ASEAN – Public Universities, kedudukan ke-86 daripada 161 universiti meletakkan UNISSA dalam kelompok 54 peratus teratas universiti awam yang disenaraikan.

Edisi keempat penarafan serantau ini menilai universiti berdasarkan enam kriteria utama, iaitu Pengajaran dan Pembelajaran, Penyelidikan, Kebolehkerjaan Graduan, Reputasi Institusi, Penglibatan Komuniti dan Pengantarabangsaan.

Menurut laporan yang dikeluarkan, antara kekuatan UNISSA yang paling terserlah ialah pengantarabangsaan, dengan kedudukan ke-17 daripada 161 universiti, termasuk tempat ke-16 bagi kriteria nisbah pelajar antarabangsa. UNISSA turut menduduki tangga ke-32 dalam aspek pengajaran dan pembelajaran dan tangga ke-57 dalam bidang penyelidikan.

>> Muka 8

PELITA BRUNEI

Multaqa Hakim : Memperkukuh profesionalisme, pelaksanaan penghakiman

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman





SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 November. - Seramai 27 orang hakim Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan menyertai Multaqa Hakim bagi memperkukuh profesionalisme serta menyelaraskan kaedah dan pelaksanaan penghakiman, sekali gus meningkatkan mutu penghakiman musabaqah berkenaan.

Multaqa Hakim Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi itu dikendalikan oleh Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS.

Multaqa yang berlangsung selama dua hari, pada 2 dan 3 November 2026 itu diadakan di Room 4, Multipurpose Room, An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan dan diakhiri dengan Majlis Penutup.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap KHEU, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad. Turut hadir, pengarah-pengarah dan Pegawai-pegawai Kanan KHEU.

Majlis dimulakan dengan persembahan Zainul Quran oleh tiga qari Negara Brunei Darussalam daripada tiga generasi iaitu qari era 1970-an hingga 1980-an, Dato Paduka Haji Mohd. Yusop bin Bakar; qari era 1990-an, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat dan qari generasi masa kini, Awang Haji Mohammad Zul-Hafiz bin Awang Tengah.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit, selaku Pengerusi Bersama Multaqa berkenaan.

Majlis diikuti dengan ucapan daripada tetamu kehormat majlis dan seterusnya ucapan balas daripada Hakim Jemputan, Setiausaha Jemaah Hakim Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia, Haji Abdul Karim bin Zakaria.

Sepanjang Multaqa tersebut, dua pembentangan telah disampaikan. Pembentangan pertama bertajuk 'Penyelarasan Penghakiman Musabaqah Tilawah dan Hafazan Al-Quran' disampaikan oleh Haji Abdul Karim bin Zakaria, yang turut bertindak sebagai Hakim Jemputan, manakala Pemangku Penolong Pengarah Urusan Haji, KHEU, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali, bertindak selaku moderator.

Pembentangan kedua bertajuk 'Implementasi Penghakiman Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa' disampaikan oleh Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh, dengan Pengiran Dr. Haji Amiruddin selaku moderator.

Multaqa berkenaan antara lain bertujuan menjadi wadah pertemuan dan percambahan fikiran dalam kalangan individu yang sering dilantik sebagai hakim bagi pertandingan membaca Al-Quran di peringkat kebangsaan, antarabangsa atau yang setaraf dengannya.

Selain itu, penganjurannya juga bertujuan mendapatkan pandangan serta input bagi mengemas kini garis panduan dan mekanisme pelaksanaan Musabaqah Membaca Al-Quran dan menyelaraskan skim pemarkahan daripada peringkat saringan hingga ke peringkat akhir bagi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.

Seterusnya, ia juga bertujuan untuk memberi peluang kepada para hakim berpengalaman untuk berkongsi pandangan serta pengalaman, di samping menetapkan garis panduan bagi pemilihan hakim.

Penganjuran Multaqa tersebut dihasratkan dapat memperkukuh kefahaman dan kesepakatan dalam kalangan para hakim, khususnya dalam aspek penilaian, pemarkahan serta pelaksanaan penghakiman yang lebih teratur dan seragam, sekali gus menyumbang kepada peningkatan mutu dan kecemerlangan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan pada masa akan datang.

Usaha berkenaan juga selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 dalam melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan, berkemahiran tinggi dan berdaya saing, serta bertepatan dengan agenda utama KHEU dalam menyebarluaskan syiar Islam dan memperkukuh penghayatan ajaran agama Islam yang membawa keberkatan dan kesejahteraan kepada seluruh masyarakat.

Acara seterusnya menyaksikan penyampaian sijil dan penghargaan kepada Hakim Jemputan serta para hakim oleh tetamu kehormat majlis sebagai tanda penghargaan atas sumbangan, komitmen dan penglibatan mereka dalam menjayakan Multaqa berkenaan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murat.

>> Muka 7

UNISSA juga meraih kedudukan tertinggi dalam kalangan universiti tempatan bagi kriteria Kebolehkerjaan Graduan. Kejayaan ini selari dengan penekanan universiti terhadap sokongan kerjaya, latihan industri dan jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan, bagi melahirkan graduan yang berilmu, berpegang teguh pada nilai-nilai Islam serta berdaya saing dalam pasaran pekerjaan.

Ketiga-tiga pengiktirafan ini diharapkan menjadi pemangkin kepada warga UNISSA untuk terus meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, memperkukuh kecemerlangan penyelidikan serta memperluas jaringan kerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa. Dapatan penarafan ini juga menjadi penanda aras penting dalam mengenal pasti ruang penambahbaikan dan memacu usaha berterusan ke arah memperkukuh kedudukan UNISSA dalam landskap pendidikan tinggi serantau dan global.

Pencapaian ini mencerminkan komitmen berterusan UNISSA dalam memperkasakan pendidikan, penyelidikan dan khidmat masyarakat berteraskan nilai-nilai Islam, bagi merealisasikan visi dan misi universiti serta melahirkan generasi *khayra ummah*, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

PENYERAHAN SEMULA TAMAN RIADAH TASIK SARUBING

Oleh : Nurdiyanah Rajami
Foto : Nurdiyanah Rajami, Ihsan Majlis Perundingan Kampung Belimbing



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Belimbing hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyerahan Semula Taman Riadah Tasik Sarubing, Kampung Belimbing dan dan diikuti dengan perasmian jambatan besar di taman riadah berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 November. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Belimbing dengan kerjasama Gurkha Security Unit (GSU), pagi tadi, menganjurkan Majlis Penyerahan Semula Taman Riadah Tasik Sarubing, Kampung Belimbing setelah selesai pelaksanaan kerja-kerja penambahbaikan yang dilaksanakan oleh pihak GSU.

Majlis penyerahan semula ini merupakan satu inisiatif kerjasama antara MPK Belimbing dan GSU dalam usaha memperindah serta meningkatkan kemudahan taman riadah berkenaan agar dapat dimanfaatkan dengan lebih selesa, selamat dan berkesan oleh penduduk kampung serta orang ramai.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing.

Turut hadir, Komandan GSU, Leftenan Kolonel (U) Awang Haji Habil bin Haji Adol dan Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Haji Nordin bin Haji Duraman, diikuti dengan sesi perkongsian mengenai projek kerja-kerja penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh pihak GSU.

Kemuncak majlis telah menyaksikan sesi pemotongan reben perasmian bagi menandakan Majlis Penyerahan Semula Taman Riadah Tasik Sarubing, Kampung Belimbing dan juga diikuti dengan perasmian jambatan besar di taman riadah berkenaan di mana disempurnakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Daud dan juga Leftenan Kolonel (U) Awang Haji Habil.

Adapun penganjuran majlis berkenaan juga sebagai menandakan sebuah pengiktirafan sumbangan dan kerjasama GSU dalam melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan Taman Riadah Tasik Sarubing termasuk jambatan besar demi manfaat masyarakat setempat.

Dengan terlaksananya projek kerja-kerja penambahbaikan tersebut, ia sememangnya dihasrat bagi terus memastikan kemudahan riadah dapat dimanfaatkan semula oleh penduduk kampung dan orang ramai.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan keselesaan dan kesejahteraan masyarakat dengan menyediakan kawasan riadah yang lebih teratur, bersih dan kondusif untuk aktiviti rekreasi bersama keluarga serta komuniti.

Selain itu, langkah positif sedemikian juga dapat memupuk semangat kerjasama dan perpaduan antara MPK Belimbing, GSU dan penduduk kampung melalui usaha bersama dalam menjaga kemudahan awam.

Dalam pada itu, MPK Belimbing turut merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada GSU atas kerjasama, komitmen dan sumbangan tenaga dalam menjayakan kerja-kerja penambahbaikan taman riadah tersebut.

Dengan penyerahan semula Taman Riadah Tasik Sarubing ini diharap akan terus menjadi salah satu kemudahan rekreasi yang bermanfaat kepada penduduk Kampung Belimbing dan masyarakat sekitarnya, di samping menjadi ruang untuk mengeratkan hubungan silaturahim serta menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat.

MENINGKATKAN KEYAKINAN DIRI MURID DALAM PENGUCAPAN AWAM

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



ANTARA pelajar yang menyertai pertandingan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 November. - Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Kegiatan Kerohanian, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, hari ini mengadakan Peringkat Akhir Pertandingan National Islamic Speech bagi Sekolah-sekolah Rendah Negara Brunei Darussalam Tahun 2026, bertempat di Centre Stage, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin.

Pertandingan berkenaan terlebih dahulu melalui peringkat saringan yang diadakan secara dalam talian, dengan penyertaan seramai 40 peserta yang terdiri daripada murid-murid sekolah rendah kerajaan dan swasta di bawah kawalan Kementerian Pendidikan serta sekolah-sekolah di bawah kawalan KHEU.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 10 peserta berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir, masing-masing lima peserta bagi Kategori Rendah Lelaki dan lima peserta bagi Kategori Rendah Perempuan.

Bagi Kategori Rendah Lelaki, johan diraih oleh Awang Md. Muqri Hamizan dari Sekolah Rendah Masin; manakala naib johan disandang oleh Awang Muhd. Aqil Adnan dari Sekolah Freda Radin; sementara tempat ketiga pula milik Awang Muhammad 'Aaisy Aiman Fidaley dari Sekolah Al-Faalah Sungai Akar.

Sementara itu, bagi Kategori Rendah Perempuan pula, Amara Sofia dari Sekolah St. Andrew muncul johan; diikuti Dayang Nur Qistina Amanda dari Sekolah Rendah Beribi Telanai selaku naib johan; manakala tempat ketiga diraih oleh Dayangku Nur Rania Qaisara dari Sekolah Rendah Dato Othman.

Penganjuran pertandingan berkenaan antara lain bertujuan untuk meningkatkan keyakinan diri murid dalam menyampaikan ucapan di khalayak ramai, di samping membantu mereka melaksanakan pembentangan dan berkongsi maklumat dengan lebih mudah serta yakin.

Selain itu, pertandingan berkenaan turut berperanan mempertingkatkan kemahiran komunikasi dan kelancaran murid dalam menyampaikan ilmu serta hujah, di samping memupuk semangat persaingan yang positif dalam kalangan pelajar.



PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan Peringkat Akhir Pertandingan National Islamic Speech bagi Sekolah-sekolah Rendah Negara Brunei Darussalam Tahun 2026.

Nusantara Soto Festival peluang nikmati kepelbagaian cita rasa Republik Indonesia



MAJLIS Pelancaran Nusantara Soto Festival : Taste the Diversity of Indonesia disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke ke Negara Brunei Darussalam.

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami

BERAKAS, Khamis, 5 November. - Royal Brunei Culinary (RBC) dengan kerjasama Kedutaan Besar Republik Indonesia (KBRI) di Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mengadakan Majlis Pelancaran Nusantara Soto Festival : Taste the Diversity of Indonesia pagi tadi bertempat di The Airport Restaurant by Anjung Saujana, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB).

Majlis pelancaran tersebut disempurnakan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke NBD, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Achmad Ubaedillah.

Turut hadir ialah Pengurus Besar RBC, Awang Haji Jeff Hadiman bin Dato Paduka Haji Danial; wakil-wakil daripada ahli kor diplomatik, KBRI serta pihak pengurusan RBC.

Dalam ucapan alu-aluannya, Awang Haji Jeff Hadiman menyatakan bahawa festival ini mencerminkan komitmen RBC untuk bekerjasama dengan KBRI bagi membawakan hidangan dari pelbagai wilayah di Republik Indonesia kepada para pelanggan di NBD.

"Brunei dan Indonesia mempunyai hubungan yang rapat dan makanan merupakan salah satu cara untuk kita mengenali serta menghargai budaya masing-masing. Melalui festival ini, kami berharap dapat memperkenalkan kepelbagaian masakan Indonesia kepada para pelanggan sekali gus memberi mereka peluang untuk merasai cita rasa dan tradisi serantau di sebalik hidangan-hidangan ini," tambah beliau.

Festival ini mengetengahkan soto sebagai tarikan utama, dengan menampilkan lima variasi serantau iaitu Soto Makassar, Soto Kudus, Soto Betawi, Soto Lamongan, dan Soto Padang.

Walaupun soto dinikmati di seluruh Republik Indonesia, setiap wilayah mempunyai cara penyediaan yang tersendiri, yang menawarkan cita rasa serta interpretasi berbeza terhadap hidangan kegemaran yang sudah tidak asing lagi ini.

Festival ini turut menampilkan Cef Asep Suhaeri, yang dijemput dari Republik Indonesia untuk berkongsi kepakaran beliau dalam masakan Indonesia.

Penglibatan beliau menyokong fokus festival ini dalam menyajikan hidangan serantau yang autentik, selaras dengan tradisi kulinari asal hidangan tersebut.

Selain soto, para pengunjung boleh menikmati hidangan kegemaran Republik Indonesia yang lain, bermula daripada keenakan Mie Jawa Godok sehinggalah kepada pelbagai jenis hidangan yang sinonim dengan Nasi Padang. Menu yang lebih luas ini turut menampilkan hidangan popular seperti Ayam Geprek dan Ayam Bakar, di samping pelbagai juadah istimewa dari pelbagai daerah lain.

Nusantara Soto Festival akan menawarkan bufet makan malam pada setiap hari Jumaat dan Sabtu sehingga 21 November 2026, dengan harga BND29.90 bagi setiap orang dewasa dan BND15.90 bagi setiap kanak-kanak.

Menu ala carte juga akan disediakan dari 8 November hingga 19 November 2026.

Pemegang Kad RBC Dining Privilege layak menerima diskaun sebanyak 10 peratus apabila menjamu selera sepanjang festival ini berlangsung.

Untuk tempahan, sila hubungi The Airport Restaurant by Anjung Saujana di talian +673 2331853. Ikuti *@anjungsaujanarestaurant* di Instagram untuk maklumat lanjut dan kemas kini terkini.

Wanita warga Republik Filipina temui hidayah Islam

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 November. - Bilangan saudara baharu yang memeluk agama Islam di negara ini terus meningkat susulan berlangsungnya Majlis Pengislaman bagi seorang wanita berbangsa Filipina yang diadakan petang tadi di Kampung Katimahar.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Majlis berkenaan menyaksikan seorang wanita berbangsa Republik Filipina, Helen Yuraq Lumbab, memilih agama Islam sebagai pegangan hidupnya setelah melafazkan dua kalimah syahadah dan kini dikenali sebagai Dayang Fatima Az Zahra binti Abdullah.

Majlis Pengislaman berkenaan berlangsung di kediaman Awang Mohd. Nor Faidzal bin Haji Zainuddin.

Turut hadir, Penghulu Mukim Kiudang, Awang Haji Hirullizam@ Khairulizam bin Haji Jefrey; serta Ketua Kampung Lugu dan Katimahar, Awang Abdul Hadi bin Haji Abdul Sani.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan lafaz dua kalimah syahadah oleh Helen Yuraq Lumbab di hadapan pegawai dari Bahagian Pengembangan Da'wah (Pengislaman), Pusat Da'wah Islamiah.

Majlis kemudian diteruskan dengan penyampaian cenderamata kepada saudara baharu, diikuti dengan laungan Dikir Marhaban dan bacaan Doa Selamat bagi mengakhiri majlis.

Menurut statistik, sejak awal Januari hingga 31 Oktober 2026, seramai 223 orang telah memeluk agama Islam di seluruh negara.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 117 orang merupakan saudara baharu di Daerah Brunei dan Muara.



MAJLIS Pengislaman bagi seorang wanita berbangsa Filipina, Helen Yuraq Lumbab dan kini dikenali sebagai Dayang Fatima Az Zahra binti Abdullah.

PELITA BRUNEI

22 AHLI BAHARU PK TERIMA SURAT LANTIKAN

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei





MAJLIS Penyampaian Surat Lantikan kepada Ahli Baharu Pengawasan Kejiranan bagi kawasan Mukim Sukang, Mukim Bukit Sawat, Mukim Labi, Rumah Panjang Mendaram Besar dan Rumah Panjang Bang Taong, Daerah Belait yang dihadiri oleh Pemangku Penolong Pegawai Pemerintah Daerah Polis Belait, Timbalan Penguasa Polis Mohd. 'Izzuddin Hanis bin Haji Md. Salleh dan Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Bukit Sawat (atas dan kiri).

BELAIT, Jumaat, 6 November. - Balai Polis Labi, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini telah mengadakan Majlis Penyampaian Surat Lantikan kepada Ahli Baharu Pengawasan Kejiranan (PK) bagi kawasan Mukim Sukang, Mukim Bukit Sawat, Mukim Labi, Rumah Panjang Mendaram Besar dan Rumah Panjang Bang Taong, Daerah Belait.

Surat lantikan berkenaan telah disampaikan oleh Pemangku Penolong Pegawai Pemerintah Daerah Polis Belait, Timbalan Penguasa Polis Mohd. 'Izzuddin Hanis bin Haji Md. Salleh kepada 22 ahli baharu.

Mereka terdiri daripada enam Ahli Baharu Mukim Bukit Sawat yang diketuai oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat; lapan Ahli Baharu Mukim Sukang yang diketuai oleh Penghulu Mukim Sukang, Awang Shahronizam bin Haji Mohamad Noh; enam Ahli Baharu Mukim Labi yang diketuai oleh Ketua Kampung Labi 1, Awang Mohammad Ariffin bin Haji Abdul Rahman; serta dua Ahli Baharu dari Rumah Panjang Mendaram Besar.

Penambahan ahli berkenaan diharap dapat menarik lebih ramai penduduk kampung untuk sama-sama berganding bahu mencegah jenayah, menjaga keselamatan dan kesejahteraan kampung serta memperkukuh organisasi PK di kawasan tadahan masing-masing.

Kerjasama erat antara PPDB dan Ahli-ahli PK juga dijangka akan memperkasa lagi penyaluran maklumat, aktiviti rondaan dan pemantauan bagi membendung kegiatan jenayah dengan lebih berkesan.

MoU perkukuh amalan timbang tara, penyelesaian pertikaian

Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Darussalam Arbitration Centre



MOU berkenaan ditandatangani oleh Hakim Mahkamah Perantaraan, Yang Arif Radin Safiee bin Radin Mas Basiuni, merangkap Pengerusi BDAC dan Presiden SIArb, Andrew Pullen.

REPUBLIK SINGAPURA, Jumaat, 6 November. - Brunei Darussalam Arbitration Centre (BDAC) dan Singapore Institute of Arbitrators (SIArb) telah memeterai kerjasama strategik melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) bagi menggalakkan amalan timbang tara dan kaedah penyelesaian pertikaian lain yang bersesuaian, menyokong pembangunan profesional serta menggalakkan perkongsian ilmu pengetahuan, kepakaran dan amalan terbaik.

MoU berkenaan telah ditandatangani oleh Hakim Mahkamah Perantaraan, Yang Arif Radin Safiee bin Radin Mas Basiuni, merangkap Pengerusi BDAC dan Presiden SIArb, Andrew Pullen.

Majlis Menandatangani MoU berkenaan turut disaksikan oleh tetamu kehormat, Head of The Arbitration Chambers, Profesor Lawrence Boo; dan Ketua Pegawai Eksekutif Interim BDAC, Awang Omsarule bin Haji Awang Omar.

MoU berkenaan menyediakan satu rangka kerja bagi kerjasama dan perkongsian maklumat antara kedua-dua institusi, tertakluk kepada undang-undang, peraturan, garis panduan dan dasar di negara masing-masing.

Di bawah kerjasama berkenaan, BDAC dan SIArb akan meneroka peluang untuk menganjurkan program latihan timbang tara, bengkel, seminar dan inisiatif pembangunan profesional bagi mereka yang berminat untuk meningkatkan pengetahuan profesional dan meneroka peluang kerjaya dalam bidang timbang tara.

Inisiatif berkenaan bertujuan untuk membina kepakaran tempatan, memperkukuh kemahiran profesional serta menggalakkan penyertaan yang lebih meluas dalam bidang timbangtara.

Kerjasama berkenaan juga akan membuka peluang bagi pertukaran tenaga pengajar, penceramah dan pakar dalam bidang berkaitan, di samping perkongsian ilmu pengetahuan, pengalaman dan amalan terbaik antara kedua-dua institusi.

Melalui kerjasama berkenaan, BDAC dan SIArb berhasrat untuk memperkukuh kerjasama serantau dan hubungan antara institusi, menyokong pembangunan pengamal timbang tara tempatan serta menyumbang kepada kemajuan bidang timbang tara dan bentuk penyelesaian pertikaian alternatif di rantau ini.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Ketua Pegawai Eksekutif SIAC, Gloria Lim; Ahli-ahli Majlis dan Jawatankuasa SIArb; pengamal undang-undang; para hakim; Setiausaha Korporat BDAC, Awang Haji Muhammad Abdul Raafe' bin Haji Ibrahim; dan Pegawai Eksekutif Kanan BDAC, Awang Khairunnazim bin Abiddin.



Pesuruhjaya Interim CSB terima Anugerah ACRA 2026



PESURUHJAYA Interim CSB, Awang Shamsul Bahri bin Haji Kamis semasa menerima Anugerah AJCCA Cyber Resilience Awards (ACRA) 2026.

Siaran Akhbar dan Foto : Cyber Security Brunei

BANGKOK, THAILAND, Rabu, 4 November. - Cyber Security Brunei (CSB) dengan sukacitanya mengumumkan bahawa Pesuruhjaya Interim CSB, Awang Shamsul Bahri bin Haji Kamis telah menerima Anugerah AJCCA Cyber Resilience Awards (ACRA) 2026 semasa Majlis Makan Malam dan Resepsi yang diadakan bersempena dengan Persidangan Keselamatan Siber ASEAN-Jepun (AJCCA) Kali Ke-3 Tahun 2026 di Bangkok, Thailand.

Pengiktirafan ini mencerminkan kepimpinan beliau dalam memperkukuh tahap keselamatan siber Negara Brunei Darussalam (NBD), meningkatkan daya tahan siber dan kesiapsiagaan dalam menangani insiden serta menggalakkan kerjasama serantau dan pembangunan keupayaan.

Usaha-usaha ini menyokong komitmen CSB dalam memperkukuh keupayaan keselamatan siber negara dan mempromosikan persekitaran digital yang lebih selamat serta berdaya tahan untuk masyarakat.

Anugerah ACRA 2026 mengiktiraf sumbangan dalam bidang daya tahan siber berdasarkan lima nilai teras ASEAN-Japan Cybersecurity Community Alliance (AJCCA), iaitu Kepimpinan Dinamik, Daya Tahan, Kebolehpercayaan, Rasa Hormat dan Kerjasama.

Sebagai salah satu daripada 10 komuniti amalan Ahli AJCCA, Brunei Cybersecurity Association (BCSA) telah memilih wakil juara negara berdasarkan kecemerlangan dalam bidang keselamatan siber yang telah ditunjukkan dan disahkan.

CSB kekal komited dalam memperkukuh keupayaan keselamatan siber negara, meningkatkan kesedaran orang ramai serta memupuk kerjasama serantau bagi menyokong masa depan digital NBD yang selamat dan berdaya tahan.



Bijak bermuamalat dalam dunia digital

BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Kehidupan tidak pernah lepas daripada memikul tanggungjawab, yang menuntut agar kita terus berusaha, berikhtiar dan bersabar bagi memenuhi keperluan sara hidup yang semakin mencabar. Atas dasar itulah, Islam menuntut kita mencari rezeki yang halal lagi baik, termasuk melalui lapangan perniagaan. Dalam urusan muamalat dan jual beli, kita wajib berlaku jujur dan amanah serta menjauhkan diri daripada segala bentuk penipuan, manipulasi atau penyelewengan yang boleh menzalimi orang lain.

Ketahuilah bahawa, kejayaan dalam perniagaan bukan hanya pada banyaknya keuntungan tetapi pada rezeki yang halal dan diberkati Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, berniagalah dengan jujur dan amanah. Daripada Abu Said Al-Khudri Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "*Peniaga yang jujur lagi amanah itu, akan bersama para nabi, sidiqin dan para syuhada*". (Hadis Riwayat Imam Tirmizi)

Hadis tersebut menunjukkan betapa mulianya kedudukan peniaga yang mengamalkan sikap jujur dan amanah dalam urusan mereka. Hasil keuntungan yang diperoleh melalui jalan yang benar bukan sahaja membawa manfaat di dunia, malah menjadi saham yang menyelamatkan kita di akhirat kelak.

Antara bentuk penipuan, manipulasi atau penyelewengan dalam perniagaan ialah menyembunyikan kecacatan barang, menipu sukatan dan timbangan serta memberikan maklumat palsu demi mengaut keuntungan. Janganlah kerana mengejar keuntungan, kita sanggup mengambil hak orang lain dengan cara yang salah.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memberi peringatan keras terhadap perbuatan menipu melalui sabda Baginda :

Maksudnya : "*Barang siapa yang menipu, maka dia bukan daripada golonganku*".

Sesungguhnya perkembangan teknologi telah memudahkan pelbagai urusan kehidupan, termasuklah dalam urusan muamalat dan transaksi jual beli serta urusan pembayaran dan pelaburan yang kini boleh dilakukan dengan mudah dan begitu pantas hanya melalui telefon pintar.

Namun, realitinya kemudahan ini juga dapat dieksploitasi oleh penjenayah siber sehingga membuka ruang kepada pelbagai bentuk penipuan, manipulasi atau penyelewengan khususnya dalam urusan muamalat digital dan jual beli dalam talian. Ada pihak yang tidak bertanggungjawab tergamak menggunakan gambar dan maklumat palsu, bahkan teknologi seperti *deepfake* untuk menyamar sebagai orang kenamaan atau selebriti bagi memperdaya orang ramai demi mendapatkan keuntungan. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa berhati-hati dan tidak mudah percaya dengan setiap tawaran, maklumat atau individu yang ditemui dalam talian.

Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI) melalui inisiatif Waspada.BN mengingatkan orang ramai agar sentiasa berwaspada terhadap penipuan dalam talian. Amalkan sikap *tabayyun* dengan menyemak kesahihan setiap maklumat dan tawaran melalui saluran rasmi sebelum membuat sebarang transaksi.

Jangan mudah terpedaya dengan tawaran lumayan atau mencurigakan. Elakkan menekan pautan yang tidak diketahui, jangan berkongsi maklumat peribadi dan jangan memindahkan wang tanpa membuat pengesahan terlebih dahulu. Ingatlah, semak sebelum percaya, fikir sebelum bertindak. Sikap berhati-hati dapat melindungi diri, keluarga dan harta daripada menjadi mangsa penipuan.

Sekiranya terjadi penipuan, segeralah laporkan kepada pihak berkuasa termasuk melalui Talian Bantuan Anti-Scam Pasukan Polis Diraja Brunei supaya tindakan dapat diambil dengan segera dan kerugian dapat dikurangkan.

Demikian juga, janganlah sekali-kali menjual, menyewakan atau meminjamkan akaun bank kita kepada pihak lain. Perbuatan itu boleh menjadikan kita pembantu kepada sindiket penipuan, sedangkan Allah Subhanahu Wata'ala telah melarang kita daripada bertolong-tolongan dalam perbuatan dosa dan permusuhan, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah, ayat 2 :

Tafsirnya : "*Dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah)...*".

Begitu juga sebagai peniaga, kita hendaklah sentiasa bersikap jujur, amanah dan bertanggungjawab dalam setiap urusan perniagaan. Jangan sesekali mengambil kesempatan atas kelemahan orang lain melalui sebarang bentuk penipuan, manipulasi, mahupun penyelewengan demi meraih keuntungan semata-mata. Sesungguhnya keuntungan yang diperoleh melalui jalan yang tidak halal dan menipu bukan sahaja boleh mengakibatkan kehilangan kepercayaan pelanggan. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu beliau berkata : Aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "*Sumpah (palsu) itu melariskan barang jualan tetapi memusnahkan keberkatan rezeki (perniagaan)*". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Sesungguhnya sumber rezeki yang diperoleh melalui jalan yang haram mungkin membawa keuntungan sementara, namun hakikatnya ia menghilangkan keberkatan, merosakkan kehidupan serta membawa penyesalan dan azab di akhirat kelak.

Oleh itu, marilah kita sama-sama mengamalkan sikap jujur, amanah dan bertanggungjawab dalam setiap urusan muamalat, khususnya dalam dunia digital masa kini, peliharalah diri dan keluarga kita agar sumber rezeki yang dibawa balik ke rumah itu sentiasa halal dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga kita tergolong dalam kalangan hamba-Nya yang sentiasa menjaga kejujuran serta dikurniakan rezeki yang halal lagi baik. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang batil (seperi makan riba, merampas, menipu dan berjudi) kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu. Dan janganlah membunuh diri kamu sendiri (atau membunuh orang lain). Sesungguhnya Allah Maha Pengasih terhadap kamu*". (Surah An-Nisa, ayat 29)

RB lancarkan Discover Brunei



Siaran Akhbar dan Foto : Royal Brunei Airlines

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 November. - Royal Brunei Airlines (RB) melancarkan Discover Brunei, platform digital baharu yang direka untuk memudahkan pengembara meneroka dan menempah pengalaman di seluruh Negara Brunei Darussalam (NBD).

Dilancarkan di World Travel Market London 2026, Discover Brunei menghimpunkan pelbagai pengalaman pelancongan yang semakin meningkat di satu tempat, daripada budaya dan warisan kepada alam semula jadi, pengembaraan, menyelam, lawatan bandar dan aktiviti tempatan.

Turut hadir pada majlis pelancaran tersebut ialah Pesuruhjaya Tinggi NBD ke United Kingdom, Tuan Yang Terutama Laksamana Pertama (B) Pengiran Dato Seri Pahlawan Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad.

Platform ini dibangunkan berdasarkan satu idea mudah: memudahkan pengembara beralih daripada inspirasi kepada pengalaman.

Walaupun Brunei menawarkan pelbagai tarikan dan pengalaman asli, pelawat kadangkala sukar mengetahui apa yang ada, di mana untuk mencari pengendali tempatan, dan cara menempah.

Discover Brunei bertujuan menangani perkara ini dengan menyediakan satu gerbang digital di mana pengembara boleh meneroka pengalaman dan menempah secara langsung.

Pengembara boleh melayari *discover-brunei.com* untuk menyemak imbas pengalaman yang tersedia, mengetahui produk pelancongan tempatan, dan merancang lawatan mereka.

TURUT hadir pada majlis pelancaran tersebut ialah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom.

Ketua Pegawai Eksekutif Interim RB, Kolonel Norsuriati binti Haji Sharbini, berkata, "Brunei mempunyai begitu banyak tawaran yang melebihi apa yang mungkin disedari oleh ramai pelawat kali pertama. Kami mempunyai pengalaman alam semula jadi, budaya, warisan, masakan dan masyarakat yang luar biasa, serta rangkaian pakej pelancongan masuk yang semakin meningkat. Selalunya, cabarannya bukanlah kekurangan perkara untuk dilakukan tetapi mengetahui di mana untuk mencarinya dan cara menempahnya. Discover Brunei dicipta untuk membantu merapatkan jurang tersebut dan memudahkan pengembara mengalami lebih banyak perkara yang ditawarkan oleh negara kita".

Menghubungkan pengembara dengan pengalaman tempatan, Discover Brunei juga menyediakan platform digital bagi pengendali pelancongan tempatan dan perniagaan yang mengambil bahagian untuk mempamerkan pengalaman mereka kepada pelawat antarabangsa.

Bagi RB, platform ini memperkukuh peranannya dalam menghubungkan Brunei dengan pasaran antarabangsa dengan membantu pengembara menemui perkara yang boleh mereka lakukan sebaik sahaja mereka tiba.

Adiel Mambara, Country Manager UK, RB, berkata "Kami mahu memudahkan pengembara di UK melihat Brunei sebagai lebih daripada sekadar perhentian di peta.

"Terdapat begitu banyak untuk dialami - daripada alam semula jadi dan warisan yang luar biasa kepada makanan, budaya dan pengalaman dengan masyarakat tempatan. Discover Brunei memberi pengembara cara mudah untuk mencari pengalaman tersebut dan mula merancang perjalanan mereka".

Pelancaran Discover Brunei datang ketika negara bersiap sedia untuk Tahun Melawat Brunei 2027, kempen pelancongan kebangsaan selama setahun yang bertujuan mempamerkan budaya, warisan, alam semula jadi dan pengalaman pelawat NBD yang pelbagai kepada khalayak antarabangsa.

Dengan menjadikan pengalaman tempatan lebih jelas dan mudah diakses, Discover Brunei melengkapkan usaha pelancongan negara dan menyokong pembangunan pelancongan sebagai penyumbang kepada kepelbagaian ekonomi.



KETUA Pegawai Eksekutif Interim RB, Kolonel Norsuriati binti Haji Sharbini semasa berucap.

Inisiatif tersebut juga sejajar dengan cita-cita yang lebih luas Wawasan Brunei 2035, khususnya pembangunan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan serta penciptaan peluang bagi perniagaan dan komuniti untuk mengambil bahagian dalam pertumbuhan sektor pelancongan.

Ketika Brunei bersiap sedia untuk mengalu-alukan lebih ramai pelawat pada tahun 2027, Discover Brunei menyasarkan untuk menggalakkan pengembara bukan sahaja melawat Brunei, tetapi juga mengalami lebih banyak pengalaman - mengubah rasa ingin tahu menjadi perjalanan dan perjalanan menjadi kenangan yang berkekalan.

PELITA BRUNEI

BIJAK BERMUAMALAT

DALAM DUNIA DIGITAL

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
26 JAMADILAWAL 1448 / 06 NOVEMBER 2026

جبatan حال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DALAM PERNIAGAAN

- Kita wajib berlaku jujur.
- Bersikap amanah.
- Menjauhkan diri daripada segala bentuk penipuan, manipulasi atau penyelewengan yang boleh menzalimi orang lain.

BENTUK PENIPUAN DALAM PERNIAGAAN

- Menyembunyikan kecacatan barang.
- Menipu sukatan dan timbangan.
- Memberikan maklumat palsu demi mengaut keuntungan.

AWAS PENIPUAN DALAM TALIAN!

- Gambar dan maklumat palsu.
- Teknologi seperti deepfake untuk menyamar sebagai orang kenamaan atau selebriti bagi memperdaya orang ramai.

deepfake

ELAKKAN PENIPUAN DALAM TALIAN

- Jangan mudah terpedaya dengan tawaran lumayan atau mencurigakan.
- Elakkan menekan pautan yang tidak diketahui.
- Jangan berkongsi maklumat peribadi.
- Jangan memindahkan wang tanpa membuat pengesahan terlebih dahulu.

PERINGATAN UTAMA

Ingatlah, semak sebelum percaya, fikir sebelum bertindak.

"SILA IMBAS KOD QR UNTUK MENDAPATKAN KHUTBAH JUMAAT YANG LENGKAP DAN UNTUK MENGIKUTI CHANNEL WHATSAPP KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM."

KHUTBAH JUMAAT

CHANNEL WHATSAPP

UNIT KHUTBAH, BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN, JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PROFESIONALISME GURU DIPERKUKUH BERTERASKAN AL-QURAN, SUNNAH

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

TUNGKU LINK, Khamis, 5 November. - Memperkukuh profesionalisme guru berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah merupakan asas penting dalam memastikan guru berperanan dengan berkesan sebagai peneraju pendidikan yang dinamik serta memimpin perubahan.

Dalam hal ini, guru bertanggungjawab memastikan kesahihan ilmu yang diajarkan, menunjukkan teladan yang baik serta membimbing pelajar memahami hujah dan mengamalkan ilmu dalam ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.



Perkara tersebut ditekankan oleh Penolong Ra'es II (Hal Ehwal Akademik), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Dayang Norasimah binti Haji Omar ketika menyampaikan syarahan plenari bertajuk 'Strengthening Teacher Professionalism Grounded in Al-Quran and Al-Hadith: Leading a Dynamic Future Education' pada hari kedua Persidangan Hari Guru sempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2026.

Hadir selaku tetamu kehormat pada persidangan yang berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Dr. Dayang Norasimah menjelaskan, pembaharuan pendidikan untuk menghadapi masa hadapan yang dinamik menuntut keselarasan antara matlamat pendidikan, kompetensi guru dan amalan pengajaran.

Menurutnya, guru perlu menguasai ilmu, memahami keperluan pelajar dan membuat keputusan yang tepat.

Tuntutan ini juga merangkumi tanggungjawab membina iman, akhlak dan keupayaan pelajar mengamalkan ilmu.

Terdahulu, beliau berkata, dari perspektif Islam, usaha memperbaharui pendekatan pendidikan dan memperkukuh profesionalisme guru berpaksikan nilai keadilan serta berteraskan matlamat pembentukan insan yang seimbang dari segi rohani, akal, emosi dan jasmani.

Jelasnya, usaha ini merangkumi pengukuhan peranan guru sebagai pendidik dan pembimbing akhlak, penyepaduan ilmu *naqli* dan *aqli* serta pemanfaatan teknologi secara beretika dan berhemah.

Selaras dengan matlamat tersebut, tambahnya, pembentukan pendidik yang *rabbani* menjadi asas penting dalam pendidikan Islam.

Persidangan diteruskan dengan Majlis Penyampaian Sijil Akreditasi dan Penghargaan kepada peserta Program Bimbingan Literasi dan Numerasi (Literacy and Numeracy Coaching Programme - LNCP 2.0) Kohort 10, 11 dan 12, selain penyampaian sijil penghargaan kepada Associate Facilitators (AF) dan Competency Trainers daripada Unit Tenaga Pengajar, Brunei Darussalam Leadership and Teacher Academy (BDLTA).



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu tetamu kehormat majlis (atas). Manakala gambar kiri, Penolong Ra'es II (Hal Ehwal Akademik), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Dayang Norasimah binti Haji Omar ketika menyampaikan syarahan.

Seramai 1,200 peserta dan tetamu mengambil bahagian dalam persidangan tersebut terdiri daripada pendidik, pemimpin sekolah kerajaan dan swasta serta wakil institusi pengajian tinggi.

Ia diadakan selama dua hari, bermula kelmarin.

Bertemakan 'Menjana Semula Pendidikan untuk Masa Depan yang Dinamik', persidangan berkenaan dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengurusan Pendidik, dengan kerjasama Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah (IPSHB) dan KUPU SB.

Kerjasama komuniti perniagaan perkukuh sektor tenaga elektrik mampan



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri hadir pada Sesi Muzakarah berkenaan dan seterusnya menyampaikan ucapannya (kanan dan atas).

BELAIT, Khamis, 5 November. - Jabatan Tenaga, Huluan dan Hiliran di Jabatan Perdana Menteri (JPM), dengan kerjasama Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI), Kementerian Kewangan; dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), telah mengadakan dua Sesi Muzakarah bersama penyewa tapak-tapak perindustrian mengenai pengemaskinian Tarif Elektrik 'B' bagi sektor komersial.

Sesi pertama telah diadakan pada 3 November 2026, bertempat di Dewan Teater Utama, JPM, bagi penyewa tapak-tapak perindustrian di Daerah Brunei dan Muara, diikuti dengan sesi kedua pada 5 November 2026 di Dewan Teater Mini, Sungai Liang, bagi penyewa tapak-tapak perindustrian di Daerah Belait dan Daerah Tutong.

Sesi-sesi Muzakarah berkenaan bertujuan untuk memberi penerangan mengenai pengemaskinian Tarif Elektrik 'B', yang telah dinamakan semula daripada 'Tarif B : Sektor Komersial' kepada 'Tarif B : Sektor Bukan Perumahan'.

Pengemaskinian berkenaan memperkenalkan struktur tarif progresif bagi mewujudkan kadar tarif elektrik yang lebih adil, telus dan mencerminkan penggunaan sebenar serta menggalakkan penggunaan elektrik yang lebih cekap.

Sesi berkenaan turut memberi penjelasan mengenai tempoh peralihan selama 18 bulan sebelum pelaksanaan sepenuhnya pada April 2028.

Pihak perniagaan digalakkan untuk memantau penggunaan elektrik melalui Unified Smart Metering System (USMS), melaksanakan audit tenaga, mengamalkan langkah-langkah Kecekapan dan Penjimatan Tenaga (EEC) serta meneroka sumber tenaga alternatif dan tenaga bersih terutamanya tenaga solar bagi mengurus kos elektrik dengan lebih berkesan.

Bagi para peniaga yang merancang untuk memasang sistem solar *photovoltaic* (PV) sebagai salah satu inisiatif untuk mengurangkan bil elektrik bulanan, bolehlah merujuk kepada kalkulator solar bagi mendapatkan anggaran kos pelaburan awal bagi keseluruhan sistem solar PV.

Bahan rujukan lain, termasuk maklumat mengenai program Net-Metering, Buku Panduan Kecekapan dan Penjimatan Tenaga dan senarai kontraktor solar PV yang berdaftar bolehlah didapati melalui laman sesawang rasmi Jabatan Tenaga, Huluan dan Hiliran di JPM di *www.tenaga.gov.bn*.

Selain itu, sesi berkenaan turut mengetengahkan ketersediaan Platform Maklum Balas Tarif 'B' sebagai saluran bagi pihak perniagaan mengemukakan pertanyaan dan maklum balas sepanjang tempoh peralihan.

Maklum balas yang diterima akan diteliti oleh Pasukan Petugas Pemantauan dan Penelitian bagi menilai kesan pengemaskinian tarif. Sesi dialog interaktif turut memberi peluang kepada pihak perniagaan untuk mendapatkan penjelasan dan mengongsikan pandangan mengenai struktur tarif baharu serta langkah-langkah sokongan yang tersedia.



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

Hadir pada Sesi-sesi Muzakarah berkenaan, Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM, Pengiran Haji Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra.

Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM dalam ucapannya berkata, walaupun tempoh peralihan memberikan ruang masa kepada pihak perniagaan untuk membuat persediaan, kami juga menyedari kepentingan untuk memantau impak pelaksanaan kadar tarif yang disemak semula serta memastikan bahawa pandangan dan kebimbangan pihak - pihak berkepentingan diberikan pertimbangan sewajarnya.

Sehubungan itu jelasnya lagi, sebuah Pasukan Petugas Pemantauan dan Penelitian telah ditubuhkan bagi menilai impak struktur tarif yang disemak semula, meneliti maklum balas daripada pihak-pihak berkepentingan serta mempertimbangkan langkah-langkah mitigasi yang bersesuaian sekiranya diperlukan.

Turut hadir, wakil-wakil dari Jabatan Tenaga, Huluan dan Hiliran di JPM, KEPI, Kementerian Kewangan serta BEDB.

Sesi - sesi Muzakarah berkenaan mencerminkan komitmen berterusan kerajaan untuk memperkukuh penglibatan bersama komuniti perniagaan bagi menyokong peralihan yang lancar ke arah sektor tenaga elektrik yang lebih cekap dan mampan.

Maklumat lanjut mengenai struktur tarif baharu boleh diperoleh melalui laman sesawang rasmi Jabatan Perkhidmatan Elektrik di *www.des.gov.bn* dan akaun Instagram rasmi *@desbrunei*.

Bagi sebarang pertanyaan atau bantuan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Platform Maklum Balas Tarif 'B' melalui WhatsApp menerusi talian +673 7400515 atau e-mel *tariffb@jpm.gov.bn*.

PELITA BRUNEI

UBD, SPACE FACULTY PERKUKUH PENYELIDIKAN SAINTIFIK, PEMELIHARAAN BIODIVERSITI





PENGASAS dan Ketua Pegawai Eksekutif Space Faculty Private Limited, Republik Singapura, Lynette Tan hadir selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir ialah Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (atas dan kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 November. - Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Alam Sekitar (IBER), Universiti Brunei Darussalam (UBD), melalui Pusat Penyelidikan Botani UBD (UBD BRC), telah menjalin kerjasama dengan Space Faculty Private Limited, Republik Singapura bagi memperkasa pemeliharaan pokok asli melalui majlis penanaman pokok secara kolaboratif yang diadakan di UBD pada 4 November 2026.

Dianjurkan di bawah program 'UBD Rooting for the Future', majlis tersebut mengetengahkan kerjasama yang semakin erat antara UBD dan Space Faculty dalam memperkasa pemeliharaan biodiversiti, penyelidikan saintifik dan kelestarian alam sekitar.

Dilancarkan pada 5 Ogos 2025, 'UBD Rooting for the Future' bertujuan menanam 1,985 batang pokok sempena ulang tahun ke-40 universiti.

Program ini merupakan inisiatif unggul di bawah Peta Jalan Penghijauan Kampus UBD 2025-2030 di bawah Pelan Induk Kelestarian UBD.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Space Faculty Private Limited, Republik Singapura, Lynette Tan.

Turut hadir ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengarah IBER, Profesor Madya Dr. Rahayu Sukri menekankan bahawa selain aktiviti penanaman pokok konvensional, Space Faculty turut menyokong penubuhan koleksi hidup berasaskan penyelidikan bagi pokok asli di UBD BRC, dan terus bekerjasama dengan IBER dalam inovasi penyelidikan biodiversiti yang menyokong perjalanan kelestarian Negara Brunei Darussalam.

Dalam ucapan pelancarannya, Lynette Tan berkata, "Kami mengucapkan terima kasih kepada UBD dan pasukan di IBER kerana menyambut kami dalam Rooting for the Future.

"Space Faculty berasa bangga dapat berdiri bersama UBD dalam kerja yang mempunyai kepentingan berkekalan, daripada memelihara pokok-pokok paling jarang di Brunei sehingga meneroka sempadan terakhir," jelasnya.

Tambahnya lagi, kedua-duanya menuntut kesabaran, ketepatan dan sains, dan kedua-duanya dibina untuk generasi akan datang.

Sijil penghargaan telah disampaikan oleh Naib Canselor UBD kepada tetamu kehormat sebagai pengiktirafan atas sokongan dan sumbangan Space Faculty terhadap pemeliharaan pokok asli dan inisiatif penyelidikan biodiversiti di UBD.

Program turut merangkumi sesi perkongsian mengenai objektif penyelidikan projek dan usaha penghijauan kampus UBD yang lebih luas, diikuti dengan aktiviti penanaman pokok sempena majlis yang melibatkan tetamu kehormat dan Naib Canselor UBD.

Inisiatif penanaman pokok secara kolaboratif ini direka bentuk secara unik sebagai projek penyelidikan perintis di Pusat Penyelidikan Botani UBD, yang memberi tumpuan kepada penanaman pengayaan menggunakan 20 anak pokok asli terpilih yang mewakili lima spesies berstatus pemeliharaan tinggi.

Ini termasuk empat spesies endemik Borneo, iaitu Ru Runang (Gymnostoma nobile), Dipterocarpus borneensis, Tulong Tempatan (Agathis borneensis) dan Cotylelobium burckii, bersama Ploiarium elegans, spesies pokok asli yang berkaitan dengan ekosistem hutan kerangas.

Tapak perintis yang disediakan dalam zon penyelidikan ekologi UBD BRC akan berfungsi sebagai tapak pemantauan jangka panjang.

Penemuan projek ini dijangka dapat membimbing pemahaman tentang penubuhan pokok asli dalam keadaan penanaman terurus serta memaklumkan inisiatif pemeliharaan dan penghijauan kampus pada masa hadapan.

Dengan mengintegrasikan pemantauan saintifik dengan usaha pemeliharaan praktikal, projek ini memperluas nilai penanaman pokok melebihi satu majlis ke arah inisiatif penyelidikan dan pemeliharaan yang berterusan.

Dari segi kepentingan pemeliharaan, tiga daripada spesies terpilih, iaitu Dipterocarpus borneensis, Agathis borneensis dan Cotylelobium burckii, diklasifikasikan sebagai Terancam.

Penubuhannya dalam UBD BRC menyumbang ke arah pemeliharaan *ex-situ* dengan mengekalkan koleksi hidup spesies pokok asli yang berstatus pemeliharaan, di samping menyediakan peluang untuk penyelidikan, pendidikan dan pemantauan ekologi jangka panjang.

Kerjasama antara UBD dan Space Faculty telah mencipta peluang bermakna bagi pemeliharaan biodiversiti dan kemajuan saintifik serta memperkukuh lagi visi UBD sebagai 'Universiti dalam Hutan Hidup', di mana ruang hijau kampus berfungsi sebagai tapak penting bagi pemeliharaan biodiversiti, penemuan saintifik dan pendidikan alam sekitar.

Untuk maklumat terkini dan maklumat mengenai aktiviti penanaman pokok dan pemeliharaan biodiversiti pada masa hadapan, ikuti UBD BRC di Instagram di *@ubd.botanicalgarden* dan *@ubd.iber.kbfsc.*

Mesyuarat cerminkan komitmen berterusan, memperkukuh kerjasama serantau

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

JAKARTA, Rabu, 4 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menyertai Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) Ke-50 bagi MABIMS Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung selama empat hari iaitu pada 21 hingga 24 Jamadilawal 1448H bersamaan 1 hingga 4 November 2026M di Jakarta, Republik Indonesia dan berakhir pada petang tadi.

Republik Indonesia melalui Kementerian Agama Republik Indonesia selaku tuan rumah mengetengahkan tema 'Khoiru Ummah : Berbagi Praktik Baik Membangun Masyarakat Islam Berkeadaban'.



DELEGASI Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Delegasi NBD diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, selaku Ketua SOM NBD dan turut disertai oleh Pegawai-pegawai Sekretariat MABIMS NBD.

SOM Ke-50 bersidang selama dua hari iaitu pada 2 dan 3 November 2026 bertempat di Sari Pacific Hotel, Jakarta dan dipengerusikan oleh Sekretaris Jenderal, Kementerian Agama Republik Indonesia, Yang Terhormat Bapak Prof. Dr. Phil. H. Kamaruddin Amin.

Turut hadir di mesyuarat tersebut ialah Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Yang Berusaha Tuan Muhyidin bin Aziz@Saari, selaku Ketua Delegasi Negara Malaysia dan Ketua Eksekutif Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), Yang Berhormat Tuan Kadir Maideen bin Mohamed selaku Ketua SOM Republik Singapura, berserta delegasi masing-masing.

SOM Ke-50 memberikan tumpuan kepada kemajuan pelaksanaan Rancangan Strategik MABIMS 2026–2030 serta usaha memperkukuh kerjasama serantau dalam hal ehwal Islam.

NBD selaku Negara Penyelaras Fokus Strategik Potensi Belia turut mengetengahkan usaha pemerkasaan belia Islam melalui program dan inisiatif bersama negara anggota.

Turut diadakan ialah pelancaran Buku Takwim Fokus Strategik MABIMS 2026–2030 oleh Ketua-ketua SOM Negara Anggota MABIMS. Buku tersebut menjadi rujukan bersama bagi memperkukuh penyelarasan dan pelaksanaan program sepanjang tempoh rancangan strategik tersebut.

Selain mesyuarat berkenaan, Seminar Kertas Tema SOM Kali Ke-50 telah diadakan pada pagi Isnin, 2 November 2026 dengan kerjasama Universitas Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah Jakarta.

NBD diwakili oleh Timbalan Dekan, Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Dayang Hajah Siti Juriah@Hajah Raneya Fatehah binti Haji Japar.

Delegasi Negara-negara Anggota MABIMS turut diraikan dalam Majlis Jamuan Makan Malam yang dihoskan oleh Menteri Agama Republik Indonesia, Yang Terhormat Prof. Dr. K.H. Nasaruddin Umar, pada Ahad malam, 1 November 2026.

Dalam ucapan alu-aluannya di majlis tersebut, Yang Terhormat Prof. Dr. K.H. Nasaruddin Umar mengajak keempat empat negara anggota MABIMS untuk bersama-sama merumuskan kriteria yang konkrit bagi mewujudkan khairu ummah di rantau ini, serta mencadangkan penubuhan sebuah pusat kolaborasi bagi memperkukuh masa depan umat Islam.

Yang Terhormat Prof. Dr. K.H. Nasaruddin Umar juga menekankan kepentingan komunikasi yang intensif dan kesinambungan kerjasama MABIMS yang tidak hanya terhad kepada pertemuan sekali setahun.

Penyertaan NBD dalam SOM Ke-50 yang berakhir hari ini mencerminkan komitmen berterusan untuk memperkukuh kerjasama serantau serta menghasilkan inisiatif yang memberi impak positif kepada masyarakat Islam di rantau MABIMS.

MEMBUDAYAKAN AMALAN MEMBACA AL-QURAN DALAM KALANGAN KANAK-KANAK

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 November. - Dalam usaha melahirkan generasi kanak-kanak yang berkemampuan membaca Al-Quran dengan lancar dan sempurna, di samping memupuk amalan membaca Al-Quran secara istiqamah dalam kehidupan seharian, Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Az-Zakireen, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Meragang, Daerah Brunei dan Muara, telah menganjurkan Musabaqah Membaca Al-Quran Secara Murattal Berkumpulan bagi Kelas Al-Quran dan Muqaddam di Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi.

Musabaqah berkenaan diadakan pada pagi tadi bertempat di Masjid Az-Zakireen, RPN Kampung Meragang.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Penganjuran musabaqah berkenaan merupakan antara inisiatif Unit Kelas Al-Quran dan Muqaddam, Bahagian Imarah, JHEM dalam menyemai dan memupuk kecintaan terhadap Al-Quran dalam kalangan kanak-kanak yang mengikuti Kelas Al-Quran dan Muqaddam di masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Inisiatif berkenaan juga bertujuan menggalakkan kanak-kanak menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai amalan harian yang berterusan, di samping meningkatkan penguasaan dan kemahiran mereka dalam pembacaan Al-Quran serta mengeratkan silaturahim sesama peserta.

Sebanyak 16 kumpulan telah menyertai musabaqah berkenaan, terdiri daripada sembilan kumpulan lelaki dan tujuh kumpulan perempuan.

Johan bagi kumpulan lelaki ialah Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau, manakala naib johan disandang oleh Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kampung Kiudang; sementara tempat ketiga milik Masjid Az-Zakireen, RPN Kampung Meragang.

Sementara bagi kumpulan perempuan pula, johan disandang oleh Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau, manakala naib johan milik Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kampung Kiudang; sementara tempat ketiga ialah Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie.

Diharapkan melalui penganjuran musabaqah berkenaan, bakat dan potensi kanak-kanak dalam pembacaan Al-Quran akan dapat dicungkil dan dikembangkan.

Selain itu, usaha berkenaan diharap dapat menyemai kecintaan yang mendalam terhadap kitab suci Al-Quran agar terus dijadikan panduan dan pedoman dalam kehidupan seharian.

Penganjuran program seumpama berkenaan juga dihasrat dapat meningkatkan minat dan menggalakkan lebih ramai kanak-kanak untuk menyertai pelbagai aktiviti keagamaan yang dianjurkan di masjid, khususnya Kelas Al-Quran dan Muqaddam.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1.**'Pengurusan Emosi dalam Kalangan Remaja'.** Tarikh Tutup **: 11 November 2026**
2.**'Tahap Kesediaan Belia Memasuki Alam Pekerjaan'.** Tarikh Tutup **: 18 November 2026**
3.**'Kepentingan Inovasi dan Kreativiti dalam Perniagaan'.** Tarikh Tutup **: 25 November 2026**

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap**dan**nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Perkukuh kerjasama memajukan agenda keterjaminan makanan serantau

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

GADONG, Khamis, 5 November. - Usaha memperkukuh keterjaminan makanan, menyelaraskan piawaian serta memudah cara perdagangan produk makanan siap di rantau ASEAN menjadi antara fokus utama Mesyuarat Kumpulan Kerja ASEAN Mengenai Produk Makanan Siap (PFPWG) yang berlangsung di negara ini selama lima hari, bermula 2 hingga 6 November 2026.

Mesyuarat yang dianjurkan oleh Autoriti Makanan Brunei Darussalam (BDFA) berkenaan menghimpunkan pegawai-pegawai daripada 11 Negara Anggota ASEAN, Sekretariat ASEAN serta organisasi rakan dialog bagi membincangkan kerjasama serantau dalam memperkukuh sistem keterjaminan dan pengawalseliaan makanan.

Sehubungan itu, Majlis Pembukaan Mesyuarat diadakan di Songket Hall 1, Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ketua Pegawai Teknikal BDFA, Dr. Noraskhin binti Haji Mohd. Fadillah.

Dalam ucapan alu-aluannya, Dr. Noraskhin mengalu-alukan kehadiran semua peserta serta menekankan kepentingan penyelarasan piawaian makanan dan pengiktirafan terhadap sistem pemeriksaan dan pensijilan kebersihan makanan bagi produk makanan siap dalam kalangan Negara Anggota ASEAN.

Beliau turut menegaskan komitmen Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk terus bekerjasama rapat dengan Negara-negara Anggota ASEAN, Sekretariat ASEAN dan rakan-rakan serantau dalam memajukan agenda keterjaminan makanan serantau, di samping menyokong ekonomi ASEAN yang lebih bersepadu, inklusif dan berdaya tahan.

Sepanjang lima hari berkenaan, beberapa mesyuarat jawatankuasa diadakan secara berturut-turut, iaitu Mesyuarat Ke-29 Jawatankuasa Makmal Pengujian Makanan ASEAN (ASEAN Food Testing Laboratory Committee-AFTLC); Mesyuarat Ke-16 Jawatankuasa Sektoral Bersama mengenai Pengaturan Pengiktirafan Bersama (MRA) bagi Sistem Pemeriksaan dan Pensijilan Kebersihan Makanan untuk Produk Makanan Siap (JSC MRA on PF); serta Mesyuarat Ke-14 Jawatankuasa ASEAN mengenai Penyelarasan Piawaian Produk Makanan Siap (SEAN Committee on Harmonization of Prepared Foodstuff Standards-ACHPFS).

Ditubuhkan pada 2003 di bawah Jawatankuasa Perundingan ASEAN mengenai Piawaian dan Kualiti (ASEAN Consultative Committee for Standards and Quality-ACCSQ), PFPWG memainkan peranan penting dalam usaha menghapuskan halangan teknikal kepada perdagangan dalam sektor produk makanan siap.

Susulan penerimaan Dasar Keselamatan Makanan ASEAN pada 2015 dan Rangka Kerja Pengawalseliaan Keselamatan Makanan ASEAN (ASEAN Food Safety Regulatory Framework-AFSRF) pada 2016 oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN, Menteri-menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN serta Menteri-menteri Kesihatan ASEAN, PFPWG turut diberikan tanggungjawab menyelaras pembangunan Pasukan Petugas bagi AFSRF yang terdiri daripada wakil rasmi sektor perdagangan, pertanian dan kesihatan.

Mesyuarat berkenaan juga menjadi platform bagi membincangkan pengaturan pengiktirafan bersama, kerjasama dalam rangka kerja pengawalseliaan keselamatan makanan serta strategi menangani isu dan cabaran baharu dalam sektor produk makanan siap.

Selain itu, perbincangan turut merangkumi Pelan Sektoral ACCSQ 2026–2030 yang akan menjadi hala tuju bagi meneruskan usaha penyelarasan piawaian serta memperkukuh sistem pengawalseliaan keselamatan makanan yang berdaya tahan di rantau ini.

Mesyuarat PFPWG dijangka menyumbang kepada pembentukan hala tuju masa depan piawaian produk makanan siap ASEAN, mencerminkan usaha kolektif rantau ini dalam memastikan keterjaminan makanan, di samping mengurangkan halangan teknikal kepada perdagangan bagi menyokong ekonomi ASEAN yang lebih bersepadu, inklusif dan berdaya tahan.



SESI bergambar ramai pada Majlis Pembukaan Mesyuarat Kumpulan Kerja ASEAN Mengenai Produk Makanan Siap diadakan di Songket Hall 1, Hotel Antarabangsa Rizqun.

قليتا برونى PELITA BRUNEI

دعاء مموهن كڤد اللّه سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سكل جنيس ڤياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

اَللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :
"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

(صلوات تفرجية)

اَللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ اَلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اية الكرسى

اَللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۗ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ ۖ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

ذكر بجاءن يڠ ممباوا كبراونتوڠن ساڠت بسر
كڤد ڤڠملڠ (تولق بلاء)

(1)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(2)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(3)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(4)

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

(5)

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

PELITA BRUNEI

MEMUPUK BUDAYA INOVASI, KREATIVITI DALAM KALANGAN PELAJAR

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 6 November. - Dua kumpulan pelajar dari sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam (NBD) telah meraih kejayaan dalam pertandingan Young Inventors Challenge 2026 yang berlangsung pada 4 November 2026.

Kumpulan Tech-Savvy dari Seri Mulia Sarjana School berjaya meraih Anugerah Emas (Gold Award), manakala Kumpulan Nutriscanbuddy dari Sekolah Menengah Menglait memperoleh Anugerah Gangsa (Bronze Award).

Kumpulan Tech-Savvy yang diwakili oleh Arjun Suresh Kumar, John Christopher Padilla Espiritu dan Muhammad Zaki bin Haji Mohammad Ja'afar, di bawah bimbingan guru pengawas, Rhoel C. Pacis telah membentangkan projek berupa sistem pengurusan kualiti air berasaskan teknologi Internet of Things (IoT).

Sistem bersepadu ini membolehkan pemantauan kualiti air secara masa nyata serta dilengkapi dengan fungsi pemberitahuan dan kawalan melalui peranti mudah alih.

Sementara itu, Kumpulan Nutriscanbuddy yang diwakili oleh Muhammad Nurul Syawali@ Syawal bin Zakaria, Rayyan Iman bin Yusri, Nurkasih Erma Shareena binti Abdul Mu'min Mohammad Sabree, Nur Maisarah Khalisa binti Mazlan dan Syahirah Hanim binti Mohd. Sukaini, di bawah bimbingan dua guru pengawas, iaitu Dr. Dayang Rozaitul Azlin binti Matzani dan Dayang Nurhazwani binti
Haji Zakaria telah membentangkan projek aplikasi pemakanan berasaskan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence – AI).

Aplikasi ini direka untuk membantu pengguna membuat pilihan pemakanan yang lebih bijak ke arah mengamalkan gaya hidup sihat melalui fungsi imbasan makanan yang menyediakan maklumat mengenai kandungan kalori, nutrien, alergen serta status halal makanan berkenaan.

Pertandingan Young Inventors Challenge 2026 yang diadakan secara dalam talian merupakan pertandingan reka cipta secara berkumpulan yang terbuka kepada pelajar sekolah menengah berumur antara 13 hingga 17 tahun, dengan setiap kumpulan terdiri daripada dua hingga lima pelajar.



PARA peserta semasa menyertai Pertandingan Young Inventors Challenge 2026 yang diadakan secara dalam talian.

Bertemakan Sustainable Development Goals (SDGs) atau Matlamat Pembangunan Mampan, pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan pelajar menghasilkan idea dan inovasi kreatif serta menyediakan platform bagi mengetengahkan hasil reka cipta mereka di peringkat serantau dan antarabangsa.

Antara objektif utama pertandingan ini adalah untuk memupuk budaya inovasi dan kreativiti dalam kalangan pelajar, menggalakkan minat terhadap bidang reka cipta serta memberikan peluang kepada mereka untuk mempamerkan hasil inovasi dan prototaip yang dihasilkan.

Selain itu, pertandingan ini turut bertujuan untuk mengasah kemahiran pelajar dalam mengenal pasti cabaran dan menghasilkan penyelesaian yang inovatif, di samping menggalakkan penghasilan idea yang dapat memberikan impak positif kepada masyarakat.

Menurut maklumat yang dikongsikan oleh pihak penganjur, pertandingan ini telah menerima sebanyak 407 penyertaan, dengan 32 kumpulan berjaya disenarai pendek untuk mara ke peringkat akhir. Daripada jumlah keseluruhan penyertaan tersebut, sebanyak 15 penyertaan adalah dari NBD.

Pertandingan ini dianjurkan oleh The Association of Science, Technology and Innovation (ASTI), Malaysia dan diselaraskan melalui Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Pusat STEP), Kementerian Pendidikan, NBD.



Memperkasa kerjasama serantau dalam kalangan usahawan muda

Siaran Akhbar dan Foto :
Young Entrepreneurs Association Brunei

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Jumaat, 6 November. - Persatuan Usahawan Muda Brunei (Young Entrepreneurs Association Brunei – YEAB) telah menyertai Persidangan Confederation of Asia-Pacific Chambers of Commerce and Industry Ke-40 (CACCI) dan Sambutan Ulang Tahun Ke-60 organisasi tersebut, yang berlangsung pada 4 hingga 5 November 2026 di Manila, Filipina.

Persidangan ini menghimpunkan para pemimpin perniagaan, penggubal dasar dan wakil usahawan dari seluruh rantau Asia Pasifik bagi memperkukuh kerjasama serantau serta meneroka peluang ke arah integrasi ekonomi yang lebih erat.

Mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam perhimpunan serantau tersebut ialah Presiden YEAB, Goh Chai Li, yang turut memegang jawatan sebagai Naib Pengerusi Young Entrepreneurs Group of Asia-Pacific (YEGAP) bersama Ahli Penuh YEAB, Awang Saifullah Safwan.

Penyertaan mereka mencerminkan komitmen YEAB dalam memastikan komuniti usahawan muda NBD terus diwakili secara aktif dalam perbincangan serantau, di samping memperkukuh hubungan serta meneroka peluang kerjasama rentas sempadan.

Goh Chai Li turut mengambil bahagian sebagai ahli panel dalam Sesi Plenari 4 bertajuk 'Keusahawanan Belia – Masa Depan Keusahawanan Asia Pasifik : Daripada Jalinan Hubungan kepada Penciptaan Bersama' (Youth Entrepreneurship – The Future of Asia-Pacific Entrepreneurship : From Connection to Co-Creation).

Sesi tersebut menghimpunkan pemimpin usahawan muda dari seluruh rantau ini bagi membincangkan perkembangan landskap keusahawanan belia, peluang perniagaan serantau serta kepentingan mentransformasikan rangkaian hubungan sedia ada kepada kerjasama perniagaan yang bermakna.

Semasa sesi tersebut, Goh Chai Li mengetengahkan potensi perniagaan digital rentas sempadan sebagai salah satu peluang pertumbuhan penting bagi usahawan di rantau Asia Pasifik dalam tempoh sedekad akan datang.

Merujuk kepada Perjanjian Kerangka Ekonomi Digital ASEAN (ASEAN Digital Economy Framework Agreement – DEFA), beliau menyatakan bahawa perjanjian tersebut berpotensi memudah cara perdagangan digital, pembayaran rentas sempadan, penginvoisan elektronik serta pertukaran data yang dipercayai. Inisiatif ini dapat memudahkan perusahaan yang lebih kecil, termasuk perniagaan di NBD, untuk menembusi pasaran serantau yang lebih luas.



SESI berkenaan menghimpunkan pemimpin usahawan muda dari seluruh rantau ini bagi membincangkan perkembangan landskap keusahawanan belia, peluang perniagaan serantau serta kepentingan mentransformasikan rangkaian hubungan sedia ada kepada kerjasama perniagaan yang bermakna.

Beliau turut berkongsi bagaimana rangkaian antarabangsa sedia ada boleh diterjemahkan kepada peluang perniagaan sebenar melalui inisiatif dan keterbukaan, berdasarkan pengalaman beliau sendiri dalam menceburi bidang pengeluaran makanan serta meneroka peluang eksport.

Beliau menekankan bahawa peluang kadangkala sudah tersedia dalam rangkaian hubungan yang dimiliki, sekali gus memperlihatkan kepentingan untuk memulakan perbualan, mengenal pasti kepentingan bersama dan meneroka potensi kerjasama secara bersama.

Sumbangan Goh Chai Li menekankan kepentingan untuk melangkaui sekadar menjalin rangkaian hubungan kepada pembentukan kerjasama yang lebih terarah dan bermatlamat. Beliau turut menggalakkan para usahawan muda agar melihat peluang di luar pasaran domestik masing-masing serta memanfaatkan hubungan serantau bagi membuka ruang kepada peluang perniagaan baharu.

Melalui penyertaan dalam Persidangan CACCI ini, YEAB terus memperkukuh perwakilan NBD dalam landskap keusahawanan Asia Pasifik, di samping membina hubungan dengan organisasi serantau dan para pemimpin perniagaan.

Persatuan ini kekal komited dalam menyediakan platform yang membolehkan usahawan muda tempatan berhubung dengan rakan sejawatan dari rantau ini, bertukar pengetahuan serta meneroka peluang ke arah pertumbuhan bersama.

Maklumat lanjut mengenai aktiviti dan perkembangan persatuan boleh diperoleh melalui akaun media sosial rasmi YEAB, *@yeabrunei* serta laman sesawang *www.yeabrunei.com*.

TINGKAT KEMAHIRAN BELIA, TEROKA PELUANG KEUSAHAWANAN





PROGRAM Transformasi Keusahawanan Kecantikan dan Kesihatan tersebut merupakan satu platform pembelajaran dan perkongsian ilmu yang menggabungkan aspek kecantikan, kesihatan dan keusahawanan (kiri sekali dan kiri).

Oleh : Nurdiyanah Rajami
Foto : Ihsan Dayang Asmah Abdul Wahab

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 November. - Sebagai salah satu inisiatif untuk memberikan pendedahan dan meningkatkan kemahiran golongan belia dalam bidang kecantikan, kesihatan serta keusahawanan, Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Tatarias Pusat Belia Bandar Seri Begawan baru-baru ini telah mengungkayahkan Program Transformasi Keusahawanan Kecantikan dan Kesihatan bertempat di Ruangan Belia Kitani, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Program yang berlangsung selama dua hari bermula 31 Oktober hingga 1 November itu telah disertai oleh 20 orang yang sekali gus berpeluang menimba pengetahuan, meningkatkan kemahiran diri dan juga sama-sama berkongsi pengalaman dalam bidang yang diketengahkan.

Program Transformasi Keusahawanan Kecantikan dan Kesihatan tersebut merupakan satu platform pembelajaran dan perkongsian ilmu yang menggabungkan aspek kecantikan, kesihatan dan keusahawanan.

Matlamat utama program ini adalah untuk memberikan pengetahuan serta kemahiran praktikal kepada para peserta, di samping membuka minda mereka mengenai potensi bidang kecantikan dan kesihatan sebagai salah satu peluang kerjaya dan sumber pendapatan.

Seramai tiga orang tenaga pengajar yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang masing-masing telah memeriahkan pengisian program tersebut.

Salah seorang tenaga pengajar iaitu Awang Mohamad Hasbolah Bobby bin Haji Hassan dari LiveWIRE telah memberikan pendedahan berkaitan keusahawanan, pembangunan idea perniagaan dan peluang untuk menceburi bidang perniagaan.

Dayang Aamena binti Haji Bungsu dari Ruya Akademi by Zenarra pula berkongsi ilmu dan kemahiran berkaitan bidang kecantikan serta kepentingan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam industri kecantikan.

Sementara itu, Dayang Asmah binti Abdul Wahab dari Tatarias Pusat Belia Bandar Seri Begawan telah memberikan perkongsian ilmu dan kemahiran dalam bidang kecantikan dan kesihatan termasuk kepentingan penjagaan diri serta kemahiran praktikal yang boleh dimanfaatkan dalam kehidupan dan perniagaan.

Gabungan pengisian program tersebut memberikan peserta-peserta pendedahan yang lebih menyeluruh bukan sahaja dari aspek kemahiran teknikal malah merangkumi pengetahuan keusahawanan dan potensi membangunkan perniagaan sendiri.

Selain itu, pelaksanaan program ini juga bertujuan bagi menggalakkan para peserta supaya lebih kreatif, berkeyakinan dan berani meneroka peluang perniagaan dalam industri kecantikan dan kesihatan.

Pada akhir program, sijil penyertaan telah disampaikan oleh Ketua Cawangan Pusat Belia, Dayang Hajah Siti Shamsiah binti Haji Sajali.

Sehubungan itu, pihak penganjur berharap program seumpama ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang dengan pengisian yang lebih luas dan bermanfaat.

Ia juga diharap agar para peserta bukan sahaja memperoleh pengetahuan dan kemahiran baharu, malah dapat mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dalam kehidupan seharian serta menjadikannya sebagai asas untuk meneroka peluang pekerjaan atau memulakan perniagaan sendiri.

Di samping itu, program ini juga dihasrat agar dapat menyumbang kepada usaha melahirkan lebih ramai belia yang berkemahiran, berdikari, kreatif dan berdaya saing dalam industri kecantikan, kesihatan dan keusahawanan.

Pengemaskinian syarikat perkhidmatan Pakej Umrah bagi tahun 2026 Masihi

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Urusan Haji

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 November. - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Urusan Haji sukacita memaklumkan bahawa sebuah agensi pelancongan telah diberikan kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi tahun 2026 Masihi iaitu Syarikat Nafli Najah Travel and Tours Sdn. Bhd.

Dengan kebenaran yang diberikan tersebut, maka pada masa ini sebanyak 37 buah agensi pelancongan telah diberikan kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi tahun 2026 Masihi.

Senarai penuh Agensi-agensi Pengendali Perkhidmatan Pakej Haji dan Pakej Umrah mengikut kategori pakej dan visa sepertimana dilampirkan.

Sehubungan dengan itu, orang ramai yang berhasrat untuk menunaikan ibadat umrah adalah dikehendaki untuk mengikuti dan menghubung terus agensi-agensi pelancongan yang dibenarkan tersebut.

Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama ingin mengingatkan agensi - agensi pelancongan yang tidak mempunyai kebenaran mengendalikan perkhidmatan Pakej Haji dan Pakej Umrah (Visa Umrah dan Visa Pelancong Arab Saudi) adalah tidak dibenarkan untuk mengendalikan Pakej Umrah termasuk membuat sebarang iklan dan tawaran mengenainya.

Maklumat mengenai senarai terkini agensi-agensi pelancongan yang dibenarkan untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Haji dan Pakej Umrah (Visa Umrah dan Visa Pelancong Arab Saudi) bolehlah disemak melalui laman sesawang rasmi Kementerian Hal Ehwal Ugama *www.mora.gov.bn* atau Instagram *KHEU.BRUNEI* atau menghubungi Jabatan Urusan Haji melalui talian +673 2384478 atau e-mel : *juh.kheu@mora.gov.bn* bagi mendapatkan maklumat lanjut.

AGENSI-AGENSI PENGENDALI PERKHIDMATAN PAKEJ HAJI DAN PAKEJ UMRAH MENGIKUT KATEGORI PAKEJ DAN VISA

JABATAN URUSAN HAJI
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

BIL	NAMA SYARIKAT	TEMPOH KEBENARAN	PAKEJ HAJI	PAKEJ UMRAH [VISA UMRAH]	PAKEJ UMRAH [VISA PELANCONG ARAB SAUDI]
1	DARUSSALAM SERVICES SDN. BHD.	3 TAHUN [1446H - 1448H]	✓	✓	✓
2	STRAITS CENTRAL AGENCIES (B) SDN. BHD.		✓	✓	✓
3	CONTINENTAL YACHTING SDN. BHD.		✓	✓	✓
4	RAUDAH AL-AMIN SDN. BHD.		✓	✓	✓
5	TITIAN TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✓	✓	✓
6	AT-TAQWA TRAVEL TOURS SDN. BHD.		✓	✓	✓
7	DAR EL EHSAN TRAVEL SDN. BHD.		✓	✓	✓
8	AL-HIJRAH TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✓	✓	✓
9	BALURIH TRAVEL SDN. BHD.		✓	✓	✓
10	AS-SAFA TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✓	✓	✓
11	AL-MIQAT TRAVEL & TOURS SDN. BHD	3 TAHUN [1448H - 1450H]	✓	✓	✓
12	AL ABRAJ TRAVEL & TOURS SDN. BHD.	1 TAHUN [2026 MASIHI]	✗	✗	✓
13	AL-HAJAT TOURS & TRAVELS AGENCY SDN. BHD.		✗	✗	✓
14	AL-HAMBRA TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
15	AL-HARAMAIN BIL IMAN TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
16	AL KHEIRA TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
17	AL-QOBUL TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
18	AN-NUR AL-KHAYR TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
19	AZ BACK TO NATURE TRAVEL SDN. BHD.		✗	✗	✓
20	AZ-ZAIN TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
21	DARUL RAHMAN TRAVEL SDN. BHD.		✗	✗	✓
22	EL-ABQARI TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
23	FIRDAUS AL-MUNAWWARAH TRAVEL SERVICES SDN. BHD.		✗	✗	✓
24	GHUFRAN TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
25	HAYYA TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
26	HUMAIRA TRAVEL CENTRE (BORNEO) SDN. BHD.		✗	✗	✓
27	HUMZAIK TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
28	HURRIYAH TRAVEL SERVICES SDN. BHD.		✗	✗	✓
29	IKHLAS GLOBAL TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
30	LAMISA INTERNATIONAL TOURS & TRAVELS SDN. BHD.		✗	✗	✓
31	MADULI AGENCY TRAVEL SDN. BHD.		✗	✗	✓
32	PGGMB TRAVEL SERVICE SDN. BHD.		✗	✗	✓
33	SHAWQI TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
34	SIMPLY UMRAH (B) TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
35	AL-KHAIF TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
36	AL-MATEEN TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓
37	NAFLI NAJAH TRAVEL & TOURS SDN. BHD.		✗	✗	✓

PELITA BRUNEI

TEROKA KERJASAMA DALAM INOVASI DIGITAL, KEUSAHAWANAN

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 November. - Universiti Brunei Darussalam (UBD), melalui Pejabat Penolong Naib Canselor (Penglibatan Industri dan Pembangunan Perusahaan - IEED), sedang memperkukuh penglibatan serantau dengan Majlis Keusahawanan Pelajar Universiti Malaysia (MAKMUM) dan universiti-universiti Malaysia yang menyertai melalui Lawatan Akademik dan Sesi Kerjasama Strategik yang berlangsung dari 4 hingga 7 November 2026.

Penglibatan ini menyediakan platform bagi UBD dan universiti-universiti dari Malaysia untuk bertukar pengetahuan, berkongsi amalan terbaik dan meneroka peluang untuk kerjasama jangka panjang dalam pendidikan keusahawanan, inovasi digital, penyelidikan, pengkomersialan teknologi dan pembangunan perusahaan.

Ia juga bertujuan untuk memperkukuh rangkaian profesional dalam kalangan institusi pengajian tinggi, usahawan dan pihak berkepentingan berkaitan, mewujudkan peluang untuk mobiliti pelajar dan kakitangan pada masa hadapan, pementoran dan penglibatan industri.

Dianjurkan di bawah tema 'Keusahawanan Wanita dan Keusahawanan Global dalam Era Digital', program ini memberi penekanan khusus terhadap peranan wanita dalam keusahawanan dan peluang yang dicipta oleh pendigitalan.

Ia menekankan kepentingan menyokong usahawan wanita dan inovator baharu melalui rangkaian yang lebih kukuh, perkongsian pengetahuan dan akses kepada peluang keusahawanan melangkaui sempadan geografi.

Program ini menghimpunkan wakil-wakil dari MAKMUM dan universiti-universiti Malaysia yang menyertai, diketuai oleh Profesor Dr. Azizah Omar dari Universiti Sains Malaysia, Ketua delegasi MAKMUM.

Majlis perasmian yang diadakan di Inspiring Hub UBD pada hari ini telah dihadiri oleh Pengarah Urusan Miraputra D'Lightz, Dayang Faridah binti Haji Taufiq, selaku tetamu kehormat.

Dalam ucapan perasmiannya, Timbalan Pengarah (Perusahaan), IEED, Dr. Nurul Afiqah binti Haji Nor Amin menekankan kepentingan perkongsian serantau dalam memajukan keusahawanan dan inovasi.

Beliau menegaskan nilai menghubungkan universiti, industri dan komuniti keusahawanan untuk mewujudkan peluang bagi pertukaran pengetahuan, kerjasama dan pembangunan perusahaan.

UBD menyumbang kepada penglibatan ini dengan berkongsi pengalamannya dalam menyokong inovasi, pemindahan teknologi dan pengkomersialan.

Bidang - bidang tersebut memberi peluang kepada institusi akademik untuk bertukar pendekatan dalam menterjemah penyelidikan, idea inovatif dan penyelesaian digital kepada aplikasi praktikal dan usaha komersial yang berpotensi.

Komponen utama program ini ialah Simposium Mini mengenai Perkongsian Keusahawanan Digital dan Inovasi, yang menghimpunkan ahli akademik UBD dan wakil MAKMUM untuk berkongsi kertas penyelidikan, pengalaman dan kajian kes mengenai keusahawanan digital, inovasi dan keusahawanan wanita dalam ekonomi digital.

Sesi tersebut menyediakan ruang untuk bertukar perspektif mengenai peluang dan cabaran yang muncul dalam membangunkan usaha keusahawanan yang mampan.

Program ini juga menampilkan sesi perkongsian ekosistem keusahawanan yang melibatkan MAKMUM dan institusi pengajian tinggi Malaysia yang menyertai, di samping pengenalan kepada ekosistem keusahawanan UBD dan inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh IEED.

Bengkel Pemindahan Teknologi selanjutnya meneroka perlindungan Harta Intelek (IP) dan pengkomersialan produk digital, menekankan pertimbangan dalam melindungi inovasi dan menterjemah penyelesaian digital kepada peluang pasaran yang berpotensi.

Perbincangan Kerjasama UBD-Malaysia yang berikutnya menyediakan platform untuk meneroka bidang - bidang berpotensi bagi inisiatif bersama pada masa hadapan, termasuk pendidikan keusahawanan, mobiliti pelajar dan kakitangan, pementoran, kerjasama penyelidikan dan penglibatan industri.

Perbincangan ini bertujuan untuk mengenal pasti peluang bagi perkongsian institusi yang berterusan.

Delegasi juga akan menyertai lawatan ekologi ke Eco Ponies Garden di Lamunin, Tutong, yang menawarkan pandangan tentang perusahaan berasaskan komuniti yang dipimpin wanita dan pendekatannya terhadap keusahawanan komuniti.

Peserta juga akan melawat kemudahan keusahawanan dan inovasi UBD, termasuk InnovateLab dan pameran perusahaan pelajar, memberikan pendedahan lanjut kepada inisiatif keusahawanan tempatan dan pembangunan perusahaan.

Melalui penglibatan ini, UBD berhasrat untuk memperkukuh kedudukannya dalam ekosistem keusahawanan serantau sambil memupuk hubungan antara institusi akademik, usahawan dan pihak berkepentingan industri.

Dengan meneroka peluang untuk kerjasama dalam pembangunan pelajar dan kakitangan, penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan perusahaan, inisiatif ini bertujuan untuk meletakkan asas bagi perkongsian mampan yang memberi manfaat kepada komuniti akademik UBD dan menyumbang kepada landskap keusahawanan yang lebih luas di Brunei Darussalam dan Malaysia.



SESI bergambar ramai pada Lawatan Akademik dan Sesi Kerjasama Strategik.

Teknologi tempatan perkasa tadbir urus pintar NBD





SUASANA pada acara libat urus industri bertajuk 'Connected Nation in Action', bertempat di Mutiara Hall, Aras 12, Mutiara Exchange, Tungku Link (gambar-gambar di atas).

Siaran Akhbar dan Foto : Network Integrity Assurance Technologies Sendirian Berhad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 November. - Network Integrity Assurance Technologies (NIAT) Sendirian Berhad, penyedia terkemuka komunikasi satelit dan penyelesaian *geospatial* Brunei, baru-baru ini berjaya menganjurkan acara libat urus industri bertajuk 'Connected Nation in Action', bertempat di Mutiara Hall, Aras 12, Mutiara Exchange, Tungku Link.

Acara tersebut menghimpunkan sekitar 80 wakil dari pelbagai agensi kerajaan, organisasi sektor swasta dan institusi pendidikan, menyediakan platform untuk pihak berkepentingan meneroka peranan kecerdasan *geospatial* dan teknologi baharu dalam menyokong pembangunan negara, kecekapan operasi dan membuat keputusan yang bermaklumat.

Sorotan utama program tersebut ialah pameran OBSERVE™, platform *geospatial* hak milik NIAT yang mengintegrasikan data masa nyata, kecerdasan lokasi dan analitik lanjutan ke dalam satu pandangan operasi tunggal.



Menerusi pembentangannya, 'Connecting the Dots for a Responsive Brunei', Awang Razzaq Ya'akub, seorang Pengaturcara di NIAT, menunjukkan bagaimana platform tersebut memperkasakan organisasi untuk membuat keputusan yang lebih pantas dan berasaskan data melalui peningkatan kesedaran situasi dan keupayaan pemantauan pintar.

Melengkapi sesi tersebut, Jurutera GIS, Awang Muhd. Bazil Hijazi bin Haji Muhd. Bazil Nabil Fikri, membentangkan 'BRAVE: Unified Emergency Response System', menekankan aplikasi teknologi *geospatial* dalam memperkukuh penyelarasan tindak balas kecemasan dan kesiapsiagaan operasi.

Secara keseluruhannya, pembentangan tersebut memaparkan potensi penyelesaian digital yang dibangunkan secara tempatan untuk menyokong tadbir urus yang lebih pintar, kesiapsiagaan kecemasan dan menyumbang kepada perjalanan transformasi digital Negara Brunei Darussalam (NBD).

Berikutan pembentangan tersebut, para tetamu dijemput untuk meneroka beberapa gerai pameran interaktif yang memaparkan keupayaan *geospatial* NIAT dan penyelesaian khusus mengikut sektor.

Melalui papan pemuka langsung, aplikasi pemetaan digital dan demonstrasi teknologi, pengunjung dapat mengalami bagaimana kecerdasan *geospatial* boleh mengubah cara organisasi memantau aset, mengurus operasi dan bertindak balas terhadap cabaran yang timbul.

'Connected Nation in Action' menekankan potensi teknologi *geospatial* untuk menangani cabaran merentasi pelbagai sektor.

Dalam menyokong aspirasi NBD di bawah Wawasan Brunei 2035, NIAT terus membangunkan penyelesaian yang diuruskan secara tempatan yang membolehkan keputusan yang lebih baik, memperkukuh penyelarasan dan membantu membina negara yang lebih pintar dan lebih terhubung.

KEMENTERIAN KESIHATAN

1. Bilangan Tawaran:
KK / 252 / 2026 / ESTETMOH (TC)

Keterangan:
The Provision Of Cleaning Services For The Ministry Of Health Complex, Jalan Menteri Besar For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

2. Bilangan Tawaran:
KK / 253 / 2026 / UPP

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Colposcopy System For Obstetric & Gynecology, Women And Children Centre Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Yuran Tawaran:
BND10.00

3. Bilangan Tawaran:
KK / 254 / 2026 / SSBH

Keterangan:
To Supply And Install Public Address (PA) System At Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait

Yuran Tawaran:
BND 50.00

4. Bilangan Tawaran:
KK / 255 / 2026 / LAB

Keterangan:
The Provision Of Outsourcing Laboratory Tests For National Haematology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Months Usage

Yuran Tawaran:
BND 30.00

5. Bilangan Tawaran:
KK / 256 / 2026 / LAB (TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Blood Gas Tests Reagents And Consumables With Equipment Rental Blood Gas Testing Program For Point Of Care Testing Section, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND500.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak lewat 17 November 2026, Jam 2.00 petang

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / LE / TA / 1005
Pembelian Alat Ganti Kenderaan Jenis Land Rover Kepunyaan Unit-Unit ABDB

Yuran Tawaran:
BND 10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 24 November 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 1 Disember 2026.

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / IL / TA / 1001
Pembelian Dan Pemasangan Roller Blinds Bagi Pejabat Perumahan Penanjong Garison, Pejabat Gaji Institut Latihan ABDB Dan Kawalan Padang Tembak Institut Latihan ABDB Dan Sekolah Pertukangan Tentera Institut Latihan, Penanjong Garison

Yuran Tawaran:
BND 10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 24 November 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 1 Disember 2026.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

MOE / LTK / 68 / 2026 / 2027 (JPPE-NOV-2026)
5 Years Fully Comprehensive Maintenance Term Contract For Mitsubishi Lifts Brunei Muara District, Ministry Of Education, Negara Brunei Darussalam.

Kelas : Tidak Terhad (Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam)

Kategori:
KPME 02

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND30.00 [Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
21 November 2026 (Sabtu)

Tarikh Tutup Dan Waktu:
24 November 2026 - Selasa
[Tidak Lewat
Jam 2.00 Petang]

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / AMS / 059 / 2026

Tajuk Tawaran
Cleaning Services At Department Of Electrical Services Gadong Store And Batu Bersurat Office For A Period Of Sixty (60) Months.

Tarikh Ditutup:
10 November 2026 (Selasa)
Jam 2.00 Petang

JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Iklan Tarikh Lanjutan

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
RTB / 17 / 2026

Term Contract Of Twenty-Four (24) Months Period For Operation, Routine Maintenance & Repair Work For Air-Conditioning Systems (HVAC) At Radio Television Brunei Broadcasting Complex, Sungai Akar

Bayaran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Selasa
10 November 2026
Jam 2.00 Petang

INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / ITQ / BKK / 2006(2023) / 1.7 / 26 - 27 – OSP
Term Contract (12 Months) For Maintenance Of Air Conditioning And Repair Works To Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah Block 2H Jalan Ong Sum Ping, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / ITQ / BKK / 2006(2023) / 1.7 / 26 - 27 – TL
Term Contract (12 Months) For Maintenance Of Air Conditioning And Repair Works To Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kampus Kekal Jalan RIPAS, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Rabu, 11 November 2026

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / ITQ / BKK / 2006(2023) / 1.2 / 26 - 27
Term Contract (12 Months) For Maintenance Of Electrical And Engineering Works To Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Rabu, 11 November 2026

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Rujukan Iklan
JAPEM / UPE-TUTONGRENO / RB26

Tajuk Iklan:
Renovation Works JAPEM Cawangan Tutong Office Jabatan Pembangunan Masyarakat

Tarikh Tutup:
Khamis,
12 November 2026

BIRO MENCEGAH RASUAH

Bilangan dan Tajuk Tawaran
BMR / SH / 14 / 2026 / 2027
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Pemasangan Dan Penyelenggaraan Sistem Perlindungan Kebakaran Menyeluruh (Pengesanan Kebakaran Dan Penggera Kebakaran) Di Bangunan Biro Mencegah Rasuah Cawangan Kuala Belait

Bilangan dan Tajuk Tawaran
BMR / SH / 15 / 2026 / 2027
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Mengganti Jubin Pecah Di Kawasan Lobi Bangunan Block B, Biro Mencegah Rasuah

Bilangan dan Tajuk Tawaran
BMR / SH / 16 / 2026 / 2027
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Membaik Pulih Kerosakan Bagi Sebuah (1) Rumah Kelas 'C', No. 6, Simpang 336-52-30, Taman Muyassarah, Jalan Kebangsaan Lama

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0039 / 2026 (R)

Tajuk Sebut Harga:
Replace, Supply And Install Outboard Motor And Related Accessories For Boat Cabin No.1 BG0404, Department Of Fisheries

Tarikh Tutup:
Khamis, 26 November 2026

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0058 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract For Plumbing And Sanitary Works In The Building And Vicinities Of The Department Of Fisheries, Negara Brunei Darussalam For 24 Months

Tarikh Tutup:
Khamis, 26 November 2026

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0057 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Repair Works At House No. 3 Flat G, Kg. Sabun, Department Of Fisheries

Tarikh Tutup:
Khamis, 26 November 2026

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0056 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
To Conduct Maritime Navigation Training Course For Local Commercial Fishing Vessel In Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Khamis, 26 November 2026

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga:
28 / DBP / SH / 2026 - 2027

Nama Dokumen Sebut Harga:
Mencetak Buku Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
12 November 2026

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
27 / DBP / SH / 2026-2027
Kerja-Kerja Mengecat Bangunan Dan Membaiki Atap / Fascia Perpustakaan Dewan Bahasa Dan Pustaka Cawangan Seria

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
19 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
TCP / 21 / 2026 / 2027
"The Demolition, Removal & Dismantling Of Buildings And Structures For Department Of Town And Country Planning, Ministry Of Development, Negara Brunei Darussalam"

Yuran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup dan Tempat Penghantaran:
Sabtu,
28 November 2026,
sebelum jam 2.00 Petang

JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan Sebut Harga:
ATELS / 2026 / SH - 20

Tajuk Tawaran:
Supply, Delivery And Functional Testing Of Control And Status Board (CSB) And Front Panel Display (FPD) For Distance Measuring Equipment (DME 500), Department Of Civil Aviation

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
28 Oktober 2026,
Rabu

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
10 November 2026,
Selasa

Tarikh Tutup Sebut Harga:
11 November 2026,
Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Makluman Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
11 / ASSET.MFA / 2026
Supply, Delivery And Installation Of Floor Finishes And Window Blinds

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 11 November 2026
Jam 2.00 Petang

PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

Bilangan Tawaran:
HMSF / TDR / 03 / 2026

Tajuk Tawaran:
For Service Level Maintenance Contract And Related Works (Package B) For His Majesty The Sultan's Flight Hangar 1 & Hangar 2 Mechanical & Electrical System

Tarikh Tutup:
Selasa,
15 Disember 2026

JABATAN DAERAH BELAIT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 27 / 2026

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Menaiktaraf Infrastruktur Kawasan Luar Dewan Santap Kuala Belait

Kelas, Kategori:
Kelas: I DAN II
Kategori: (KA01/BOI)

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup:
10 November 2026 (Selasa)

JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Iklan Tarikh Lanjutan

Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(VI Sahaja)

Kategori:
[KA01,Sahaja]

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
27 Oktober 2026 (Selasa)

Tarikh Tutup:
22 Disember 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 021 / 2026

Nama Projek:
Penambahbaikan Rangkaian Sistem Pembahagian Air Bagi Kawasan Bandar Seri Begawan, Mukim Gadong B dan Kawasan Lambak Kanan, Daerah Brunei dan Muara

Yuran Tawaran:
BND1,000.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

1) UNISSA / SB0037 / 2026 / 2027
One (01) Year Term Contract For Grass Cutting And Landscaping Services At Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Gadong Campus – [Class: I & II] & [Category: KPB12]

2) UNISSA / SB0038 / 2026 / 2027
One (01) Year Term Contract For Grass Cutting, Lanscaping And Plantation Services At Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Sinaut Tutong Campus – [Class: I & II] & [Category: KPB12]

Tarikh Tutup:
Rabu, 11 November 2026

UNISSA / SB0039 / 2026 / 2027
Mencetak Dan Menghantar Buku Jawapan Peperiksaan (Examination Answer Booklet), Pejabat Pengurusan Akademik (PPA), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Tarikh Tutup:
Rabu, 11 November 2026

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Unit Teknologi Maklumat, Divisyen Pengurusan Korporat Dan Sumber Manusia Kementerian Pembangunan

Bil. Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2026 / Q11 Invitation To Renew Krystal Document Management System License-Technical Support For 1 Year, Ministry Of Development

Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen Sebut Harga:
BND9.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Buka:
Rabu, 28 Oktober 2026

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran:
Khamis, 12 November 2026

Tarikh Tutup:
Isnin, 16 November 2026
Jam Sebelum 9.00 pagi

JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
JBBSB / LTK / 2026 – 2027 / 04 / KTK / SPPP / 03

Keterangan Tawaran:
Two (02) Years Term Contrect Janitorial Services, Grass Cutting And Pest Control For Tamu Kianggeh Complex And Its Surrounding Area [01 December 2026 Until 30 November 2028]

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)

Kelas:
III Ke Atas

Kategori:
Minimum SO1 Dan SO2

Tarikh Tutup:
Selasa, 30 Jamadilawal 1448 Bersamaan 10 November 2026, Jam 2.00 Petang

JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKP / SH / 2026-2027 / 28 Supply And Delivery Of Card Printers For The Production Of Identification (ID) Profile Cards

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,5 November 2026, Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / GSU / TA / 1001 Procurement Of Bedding And Bedroom Furnishing For Gurkha Security Unit

Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 17 November 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan Tawaran:
JPA / RKN / 1208-007 / V

Nama Tawaran:
Transition of Aeronautical Information System (AIS) to Aeronautical Information Management (AIM)

Tarikh Buka Tawaran:
19 Oktober 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
15 Disember 2026

سوروهنجاي ڤرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI **WWW.RECRUITMENT.GOV.BN**

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

1. Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap
4. Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapkan Maklumat (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan professional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)

+673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn | Talian Whatsapp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam | PSC.BN

	JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1.	**PENOLONG PEGAWAI SUMBER MANUSIA** JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA KEMENTERIAN PERTAHANAN C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2026/OCT/03/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	7(A)	11 NOVEMBER 2026
2.	**PENOLONG PEGAWAI UGAMA** KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2026/OCT/04/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	01	7(A)	11 NOVEMBER 2026
3.	**PEMBANTU MAKMAL (BILIK MAYAT)** KEMENTERIAN KESIHATAN M.3 EB.4 (BAHAGIAN IV) 2026/OCT/06/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	01	7(A)	14 NOVEMBER 2026
4.	**PEKERJA AM** KEMENTERIAN KESIHATAN F.1-2-3-4-5 EB.6 (BAHAGIAN V) 2026/OCT/05/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	25	7(A)	14 NOVEMBER 2026
5.	**TIMBALAN PEGAWAI REKOD PERUBATAN** KEMENTERIAN KESIHATAN D.4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2026/OCT/04/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	01	7(A)	14 NOVEMBER 2026

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG: SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Tawaran Tapak Bagi Menjalankan Perusahaan Pertanian (Sayur-Sayuran) 2.0 Hektar Di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Limpaki, Daerah Brunei Dan Muara

Bilangan:
18 / 2026

Keterangan Tapak:
Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Limpaki Daerah Brunei dan Muara

No Lot:
Lot A1

Keluasan:
2.0 hektar

Syarat:
Perusahaan Tanaman Sayur-sayuran menggunakan Teknologi tinggi / moden (Rumah Terlindung, Fertigasi, Hidroponik dan lain-lain)

Tempoh iklan:
4 minggu

Tarikh mula iklan:
Isnin,
26 Oktober 2026

Tarikh berakhir iklan:
Isnin,
23 November 2026

Tarikh akhir menghantar:
Isnin, 21 Disember 2026
sebelum jam 3.00 Petang

Harga penjualan borang:
BND1.00 / borang


MAJLIS ILMU 2026
ملايو إسلام براج: تونڠكق كداولتن نكارا
MELAYU ISLAM BERAJA: TONGGAK KEDAULATAN NEGARA
سمبوتن ڤراياءن هاري كڤوتراءن
كباوه دولي يڠمها مليا ڤادك سري بكندا سلطان
دان يڠدڤرتوان نكارا بروني دارالسلام ك-٨٠ تاهون
MAJLIS PERASMIAN MAJLIS ILMU 2026
Sabtu | 27 Jamadilawal 1448H bersamaan 7 November 2026M | Bermula 8.00 pagi
FORUM PERDANA MAJLIS ILMU 2026
Khamis | 2 Jamadilakhir 1448H bersamaan 12 November 2026M | Bermula 8.00 pagi
CERAMAH PERDANA MAJLIS ILMU 2026
Sabtu | 4 Jamadilakhir 1448H bersamaan 14 November 2026M | Bermula 8.45 pagi
SEMINAR MAJLIS ILMU 2026
Selasa | 7 Jamadilakhir 1448H bersamaan 17 November 2026M | 8:00 pagi
PAMERAN MAJLIS ILMU 2026
Sabtu hingga Sabtu | 27 Jamadilawal hingga 4 Jamadilakhir 1448H
bersamaan 7 November hingga 14 November 2026M
(Pameran terbuka bagi kunjungan orang ramai)
BERTEMPAT:
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC), BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
FORUM DAERAH-DAERAH SEMPENA MAJLIS ILMU 2026
Daerah Belait
Dewan Persidangan Kuala Belait
Khamis, 9 Jamadilakhir 1448H
bersamaan
19 November 2026M
Daerah Brunei dan Muara
Dewan Musyawarah,
Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas
Isnin, 13 Jamadilakhir 1448H
bersamaan 23 November 2026M
Daerah Tutong
Dewan Ma'had Islam Brunei
Khamis, 16 Jamadilakhir 1448H
bersamaan
26 November 2026M
Daerah Temburong
Dewan Utama, Kompleks Dewan
Kemasyarakatan Mukim Bangar
Isnin, 20 Jamadilakhir 1448H
bersamaan 30 November 2026M
Penganjur Bersama
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
KEMENTERIAN KEWANGAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Penaja
BIBD
imagine


كمنترين كبودايأن، بليا دان سوكن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
سوكن كبڠسأن بروني دارالسلام
ك - ٥، تاهون ٢٠٢٦
SUKAN KEBANGSAAN BRUNEI DARUSSALAM
KE-V, TAHUN 2026
سوكن كبڠسأن بروني دارالسلام
SUKAN KEBANGSAAN BRUNEI DARUSSALAM
27 JAMADILAWAL- 4 JAMADILAKHIR 1448
7 - 14 NOVEMBER 2026
"Bersama Mengejar Kegemilangan"
جابتن بليا دان سوكن
JABATAN BELIA DAN SUKAN
www.belia-sukan.gov.bn
jbs.brunei
jabatan belia dan sukan
jabatan belia dan sukan brunei
info@belia-sukan.gov.bn



Tingkatkan kesedaran tentang kesihatan lelaki

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Ilustrasi : Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi

MOVEMBER adalah kempen kesedaran kesihatan lelaki yang diadakan setiap tahun pada bulan November di seluruh dunia. Nama 'Movember' merupakan gabungan kata *moustache* (misai) dan 'November'. Tujuan utama kempen ini adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai isu-isu kesihatan lelaki, terutamanya kanser prostat, kanser testis, kesihatan mental lelaki dan isu-isu lain yang berkaitan dengan lelaki. Kanser prostat merupakan kanser kelima paling kerap dalam kalangan lelaki di seluruh dunia.

Ketibaan bulan November memberikan signifikasi cukup penting terhadap kesedaran kesihatan lelaki. 'Movember' merupakan gerakan yang semakin mendapat perhatian global, khususnya dalam kalangan lelaki yang prihatin terhadap kesihatan mereka.

Kesesuaian Movember untuk lelaki

Matlamat Movember adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang kesihatan lelaki. Menggunakan misai sebagai simbol pergerakan, Movember memberi tumpuan pada tiga bidang utama, iaitu kanser prostat; kanser testikal; dan kesihatan mental juga pencegahan membunuh diri.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), kesihatan lelaki turut menjadi isu tetapi mungkin kurang diberi perhatian sepatutnya. Pelbagai masalah kesihatan lelaki seperti kanser prostat dan masalah mental kurang didiagnosis akibat stigma sosial.

Berikut adalah beberapa perkara penting yang awda perlu tahu mengenai Movember dan bagaimana ia memberi kesan kepada kesihatan awda :

Fokus pada kanser prostat

Kanser prostat merupakan salah satu kanser yang paling kerap berlaku di kalangan lelaki. Kesedaran mendorong lelaki untuk mendapatkan pemeriksaan awal kerana pengesanan awal sangat penting untuk peluang pemulihan yang lebih tinggi.

Berlainan dengan kanser prostat yang lebih terjadi pada golongan lelaki yang berusia lanjut, namun kanser testis kebiasaannya sering dihidapi dalam golongan lebih muda iaitu kumpulan umur 15 hingga 40 tahun. Gejala biasa ialah ketulan yang tidak menyakitkan atau bengkak, pada salah satu testikel atau sebarang perubahan dalam bentuk tekstur dan penampilan testikel.

Kanser kolorektal dan kanser paru-paru adalah penyakit lain yang turut dihidapi di negara ini, yang berkaitan secara langsung dengan faktor gaya hidup tidak sihat seperti merokok, diet tinggi lemak dan obesiti. Saringan berkesan dengan *stool occult blood* dan *colonoscopy* untuk kanser kolorektal dan saringan imbasan CT dos rendah untuk kanser paru-paru tersedia untuk individu dengan tujuan pengesanan awal.

Kebiasaan simptom bagi kanser prostat adalah kesukaran untuk mula membuang air kecil, mengosongkan pundi kencing, bocor selepas membuang air kecil, darah dalam air kencing dan kesukaran dalam mengekalkan ereksi.

Sesetengah penghidap kanser prostat tidak mengalami sebarang simptom sehingga ia berkembang. Oleh itu, langkah mendiagnosis kanser prostat lebih awal membawa kepada hasil yang lebih baik dan kelangsungan hidup. Oleh itu adalah penting untuk menjalani pemeriksaan optimum untuk kanser prostat.

Pemeriksaan disyorkan untuk lelaki berumur 50 tahun dan ke atas atau lebih awal jika terdapat sejarah kanser prostat dalam keluarga atau mereka yang mempunyai mutasi genetik seperti BRCA. Apabila disahkan menghidap kanser, Transrectal Ultrasound (TRUS) biopsi atau Magnetic Resonance Imaging (MRI) akan dijalankan untuk siasatan lanjut.

Kesedaran tentang kanser testis

Movember juga menumpukan perhatian kepada kanser testis, yang sering diabaikan tetapi berpotensi memberi kesan serius pada kesihatan lelaki. Menggalakkan pemeriksaan kendiri adalah salah satu matlamat Movember untuk membantu lelaki lebih peka dengan tanda-tanda awal penyakit ini.

The Brunei Cancer Centre (TBCC), Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC) merupakan pusat rujukan rawatan kanser di NBD yang komprehensif dengan kemudahan terkini untuk pengurusan holistik pesakit kanser yang terdiri daripada pemeriksaan dan pengesanan kanser awal sehingga kepada pengimejan nuklear lanjutan.

Pentingnya kesihatan mental

Selain kanser, Movember turut menekankan kesihatan mental lelaki. Dalam kehidupan yang kian mencabar, pastinya ia turut memberi kesan kepada masyarakat secara menyeluruh yang tidak terkecuali kaum lelaki.

Tidak dinafikan semakin ramai lelaki di seluruh dunia mengalami tekanan hidup seperti tekanan kerja, stres dan pengasingan sehingga boleh membawa kepada isu kesihatan mental termasuk kemurungan dan kecenderungan untuk membunuh diri.

Kebanyakan lelaki tidak membincangkan secara terbuka kesihatan mental mereka dan situasi diri serta perasaan mereka akibat stigma sosial yang mana hal ini boleh membahayakan nyawa mereka jika tidak ditangani dengan perubatan sebaiknya.

Menurut statistik, lelaki sering kali kurang cenderung untuk mencari bantuan bagi masalah mental mereka. Movember membantu membina kesedaran mengenai keperluan untuk perbualan terbuka tentang kesihatan mental. Selain itu, faktor budaya masyarakat kita yang cenderung menganggap isu kesihatan mental sebagai 'masalah yang tidak perlu dibesar-besarkan' juga menyumbang kepada rendahnya kesedaran ini dalam kalangan lelaki.

Oleh yang demikian, bersama kita meningkatkan kesedaran diri dan insan-insan tersayang dengan membuat pemeriksaan berkala dan menjaga kesihatan secara menyeluruh.

Kesedaran tentang sayangi diri

Movember menekankan kepentingan sokongan sosial dan kesedaran terhadap sayangi diri dalam kalangan lelaki. Dengan menyebarkan mesej ini, Movember berharap dapat membantu mereka yang sedang berhadapan dengan tekanan untuk mendapatkan bantuan.

Selain menyimpan misai, awda boleh menyertai acara sukan atau cabaran untuk mengumpul dana bagi kesihatan lelaki. Movember menggalakkan sebarang bentuk aktiviti yang boleh membantu menyokong kesihatan awda dan pada masa yang sama memberi kesedaran kepada orang ramai.

Statistik menunjukkan bahawa lelaki biasanya lebih cenderung mengabaikan tanda-tanda masalah kesihatan. Bulan kesedaran ini mengajak semua lelaki untuk lebih serius dalam menjaga kesihatan mereka, sama ada dengan pemeriksaan rutin atau perubahan gaya hidup yang lebih sihat.

Mengamalkan gaya hidup sihat

Kesedaran ini adalah waktu yang baik untuk bermula dengan gaya hidup sihat. Diet seimbang, senaman berkala, dan pemeriksaan kesihatan adalah langkah asas yang boleh diambil untuk kesihatan jangka panjang.

Movember juga mendidik lelaki mengenai cara membuat pemeriksaan sendiri untuk mengesan tanda awal kanser testis. Pemeriksaan rutin ini hanya memerlukan beberapa minit tetapi boleh menyelamatkan nyawa.

Bantuan, sokongan tidak terhad hanya di Movember

Walaupun kempen berakhir pada akhir bulan, bantuan dan sokongan kesihatan lelaki boleh dicari pada bila-bila masa. Menjaga kesihatan mental dan fizikal adalah proses berterusan, dan banyak komuniti serta organisasi sedia membantu sepanjang tahun.

Ia lebih daripada sekadar menyimpan misai; ia adalah satu pergerakan global untuk menyedarkan lelaki mengenai kesihatan mereka. Dengan langkah-langkah mudah seperti pemeriksaan awal dan perbualan terbuka mengenai kesihatan, kita boleh meningkatkan kualiti hidup dan mengurangkan risiko penyakit serius. Jadilah sebahagian daripada perubahan ini dengan menyokong kempen Movember dan sentiasa ambil berat tentang kesihatan awda.

Kesimpulan

Movember bukan sekadar kempen menyimpan misai, tetapi merupakan gerakan global untuk menggalakkan **lelaki lebih prihatin terhadap kesihatan fizikal dan mental.** Kesedaran, **pemeriksaan awal, sokongan sosial** dan **gaya hidup sihat** mampu membantu mencegah **penyakit serta meningkatkan kualiti hidup.**



Keberkesanan Peranti Terjemahan Mudah Alih

Pendahuluan

PERANTI terjemahan mudah alih ialah alat elektronik bersaiz kecil mudah alih yang direka khusus untuk menterjemah pertuturan dan teks antara bahasa yang berbeza. Ia biasanya kelihatan seperti telefon pintar kecil yang tebal dengan skrin sentuh dan butang khusus untuk merakam pertuturan. Berbeza dengan aplikasi telefon, peranti ini ialah alat tujuan tunggal. Ia selalunya dilengkapi data selular terbina dalam (melalui eSIM atau kad SIM yang telah dimuatkan) supaya ia berfungsi tanpa perlu mencari Wi-Fi atau menggunakan pelan *roaming* telefon, dan banyak yang menyokong terjemahan luar talian untuk bahasa teras.

Peranti terjemahan selalunya berfungsi dengan menggunakan sistem perbualan suara dua hala. Dengan menekan butang untuk bercakap dalam bahasa asal, peranti terjemahan akan merekod dan kemudian menterjemahkan ke bahasa yang telah ditetapkan dan memainkan terjemahan dengan lantang. Sesetengah model mempunyai mod skrin berbelah supaya kedua-dua bahasa, iaitu bahasa asal dan bahasa yang diterjemah boleh di baca bersebelahan.

Model yang lebih canggih membolehkan pengguna memuat turun pek bahasa terlebih dahulu. Ada sebahagian daripada model atau peranti penterjemahan yang lebih canggih boleh menyokong terjemahan luar talian untuk sebanyak 31 bahasa walaupun pengguna mesti memuat turun setiap pasangan tertentu yang diperlukan, seperti bahasa Inggeris ke bahasa Jepun dan sebaliknya. Ada juga model peranti penterjemah yang mempunyai kamera terbina yang membolehkan pengguna mengambil gambar menu atau papan tanda untuk mendapatkan terjemahan segera pada skrin. Kebanyakan peranti penterjemah terkini disertakan dengan data global percuma untuk tempoh tertentu contohnya, satu hingga dua tahun supaya ia berfungsi secara bebas.

Kelebihan mempunyai peranti penterjemah khas dan perbezaannya dengan aplikasi telefon pintar

Peranti terjemahan khas bukan bertujuan untuk menggantikan telefon, tetapi untuk menyelesaikan keperluan khusus yang tidak dapat dipenuhi oleh aplikasi telefon dalam senario tertentu. Kelebihan utama peranti terjemahan khas ialah ia memberikan pengguna pengalaman perbualan dua hala yang lebih semula jadi. Aplikasi telefon memerlukan pengguna menghulurkan telefon antara satu sama lain, yang memutuskan rentak perbualan. Peranti terjemahan pegang tangan direka untuk diletakkan di atas meja, dengan skrin berpecah dua hala, satu pihak bercakap dan pihak lain melihat skrin atau mendengar suara, tanpa perlu menghulurkan peranti berulang kali. Peranti jenis fon telinga lebih bebas tangan, setiap pengguna memakai satu fon telinga dan terjemahan akan terus dapat didengar dan ini akan dapat membuat pengguna merasa seperti mempunyai jurubahasa profesional di sisi .

Antara kelebihan lain peranti penterjemah khas ialah banyak peranti ini dilengkapi kad SIM terbina dalam atau eSIM, menyediakan data global percuma yang biasanya boleh digunakan selama satu ke dua tahun, tanpa perlu membeli kad SIM tempatan atau menggunakan roaming. Lebih penting lagi, peranti penterjemahan yang lebih canggih akan dapat menyokong terjemahan luar talian, contohnya peranti jenis Timekettle T1 yang menyokong sebanyak 31 pasangan bahasa luar talian, sesuai untuk digunakan di kawasan dengan isyarat lemah atau tanpa rangkaian. Mempunyai peranti penterjemah berasingan memboleh pengguna telefon berasingan. Semasa perbualan, pengguna boleh menggunakan telefon untuk mengambil gambar, melihat peta atau mencatat, tanpa perlu menghentikan penggunaan telefon untuk membuka atau menggunakan aplikasi terjemahan.

Selain itu, peranti penterjemahan khas mudah boleh mengecam suara jarak jauh dan menapis bunyi bising yang boleh mengganggu kualiti bunyi atau suara yang sedang direkod untuk diterjemah. Sebahagian peranti khas (terutamanya fon telinga) dilengkapi pengurangan bunyi berbilang sensor, contohnya peranti penterjemah jenis iFLYTEK mendakwa dapat mencapai kadar ketepatan pengecaman suara 97 peratus dalam persekitaran 80 desibel, dan boleh digunakan dengan perakam untuk pengecaman suara jarak jauh sehingga 20 meter. Ini mempunyai kelebihan praktikal dalam mesyuarat atau suasana luar bilik atau bangunan yang bising.

Teknologi apakah yang digunakan dalam peranti penterjemahan?

Secara ringkasnya, teknologi terjemahan moden terutamanya bergantung kepada Kecerdasan Buatan (AI) untuk melengkapkan satu siri proses: menukar suara kepada teks, menterjemah teks, dan kemudian menjana suara. Peranti khusus dan aplikasi telefon menggunakan prinsip asas yang serupa, tetapi laluan teknikalnya berbeza.


Kebanyakan peranti terjemahan dan aplikasi menggunakan proses tiga langkah ini untuk terjemahan pertuturan. Yang pertama ialah Pengecaman Pertuturan Automatik (ASR) dimana mikrofon menangkap suara pengguna, dan teknologi ASR menukar gelombang bunyi ini kepada teks. Sesetengah peranti akan menggunakan berbilang mikrofon dan algoritma pengurangan bunyi untuk memastikan pengecaman yang tepat dalam persekitaran yang bising.

Proses seterusnya ialah Terjemahan Mesin (MT) dimana teks yang telah dikenali dihantar ke enjin terjemahan untuk ditukar kepada teks bahasa sasaran. Enjin moden (seperti terjemahan neutral) tidak lagi menterjemah perkataan demi perkataan, tetapi akan memahami konteks keseluruhan ayat untuk menjana terjemahan yang lebih semula jadi. Akhir sekali, ialah proses Sintesis Pertuturan (TTS) dimana teks yang telah diterjemah ditukar semula kepada suara melalui teknologi TTS dan dimainkan. Sesetengah peranti akan cuba mengekalkan intonasi dan jeda penutur asal, menjadikan bunyi lebih semula jadi.

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Ihsan Magnific

Kesimpulan

Sebelum mendapatkan peranti penterjemah khas, pengguna perlu menilai samada ianya berbaloi untuk didapatkan kerana harga yang agak mahal untuk peranti penggunaan tunggal. Jika pengguna hanya memerlukannya untuk tujuan melancong dan untuk kerja-kerja penterjemahan sedikit, mungkin lebih sesuai untuk memuat turun aplikasi penterjemahan percuma ke dalam telefon pintar. Jika pengguna perlu melakukan kerja-kerja penterjemahan seperti untuk penulisan tesis atau kerja-kerja penyelidikan mungkin adalah lebih berbaloi untuk mendapatkan peranti penterjemah khas.



PELITA BRUNEI

AUSTRALIA : PENYELIDIK LANCAR PROJEK PERCUBAAN PEMULIHAN TERUMBU KARANG BERSKALA BESAR

SYDNEY, 5 Nov. - Penyelidik marin melancarkan satu daripada projek percubaan pemulihan terumbu karang terbesar di Great Barrier Reef, Australia, bersempena dengan fenomena peneluran karang (*coral spawning*) secara besar-besaran yang berlaku setiap tahun, lapor Xinhua.

Menurut kenyataan Institut Sains Marin Australia (AIMS) pada Khamis, Program Pelaksanaan Perintisnya menyasarkan penempatan sehingga 120,000 peranti penyemaian khas yang mengandungi karang muda di kawasan terumbu sekitar Kepulauan Keppel serta perairan berhampiran Cairns dan Port Douglas sepanjang musim 2026-2027.

Program itu turut melatih pengusaha akuakultur terumbu karang dan kumpulan Orang Asli di negeri Queensland untuk mengendalikan unit ReefSeed serta memelihara karang di kemudahan darat sebelum memindahkan dan menempatkan karang muda di kawasan terumbu.

ReefSeed merupakan sistem akuakultur terumbu karang mudah alih berasaskan kontena yang dibangunkan AIMS, dengan keupayaan menghasilkan jutaan larva karang dan ratusan ribu karang muda untuk ditempatkan di kawasan terumbu di Australia serta luar negara.

Unit ReefSeed pertama telah dipasang dan berjaya diuji di Maldives. - ©BERNAMA

Republik Islam Pakistan uji peluru berpandu udara ke udara 'Faaz' buatan tempatan pertama

HYDERABAD, 4 Nov. - Republik Islam Pakistan berjaya menguji peluru berpandu udara ke udara 'Faaz' buatan tempatan pertama, sambil menyifatkan kejayaan itu sebagai satu pencapaian penting yang baharu dalam pembangunan keupayaan aeroangkasa dan pertahanannya.

Peluru berpandu itu dilengkapi sistem panduan terminal tercanggih dan berupaya menyerang sasaran pada jarak yang lebih jauh, menurut sayap media tentera Republik Islam Pakistan dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurut kenyataan itu, senjata berkenaan memperkukuh kedudukan strategik pertahanan negara secara keseluruhan serta meningkatkan fleksibiliti operasi tentera udara.

Satu rakaman video menunjukkan peluru berpandu itu dilancarkan daripada jet pejuang JF-17.

"Kejayaan ujian penerbangan ini membuktikan kematangan teknikal, inovasi dan keupayaan berdikari yang dicapai oleh industri pertahanan Pakistan," menurut tentera negara itu.

Ujian peluru berpandu Faaz itu dilakukan beberapa minggu selepas Republik Islam Pakistan menguji versi yang dipertingkatkan bagi peluru berpandu krus Fatah-4 yang dilancarkan dari darat serta peluru berpandu balistik hipersonik Fatah-2 dengan jarak jangkauan lebih jauh. - ©BERNAMA

Sweden masih belum bentuk kerajaan baharu, Kristersson usaha bentuk kerajaan

COPENHAGEN, 4 Nov. - Pemangku Perdana Menteri Sweden Ulf Kristersson akan berusaha membentuk kerajaan baharu selepas lebih tujuh minggu pilihan raya umum berlangsung, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Terdahulu pada Selasa, Parlimen Sweden seperti dijangka menolak pencalonan pemimpin Parti Tengah, Elisabeth Thand Ringqvist sebagai ketua kerajaan baharu.

Ringqvist minggu lalu menghentikan rundingan awal yang bertujuan membentuk kerajaan berhaluan tengah dengan penyertaan pelbagai parti.

Sebelum itu, pemimpin Parti Demokrat Sosial Magdalena Andersson turut gagal dalam usahanya membentuk kerajaan berhaluan kiri tengah.

Yang Dipertua Parlimen Anders Norlen minggu lalu mengumumkan bahawa mandat untuk meneroka pembentukan kerajaan akan diberikan kepada Kristersson sekiranya Ringqvist gagal.

Kristersson kemudian akan diberikan tempoh seminggu untuk menjalankan rundingan awal sebelum melaporkan hasilnya kepada Norlen.

Pemimpin konservatif itu sebelum ini mentadbir negara menerusi kerajaan campuran tiga parti yang mendapat sokongan parti populis berhaluan kanan.

Bagaimanapun, pakatan berkenaan gagal memperoleh majoriti dalam pilihan raya Parlimen pada September.

Sebaliknya, empat parti pembangkang iaitu Parti Demokrat Sosial, Parti Kiri, Parti Hijau dan Parti Tengah yang berhaluan liberal meraih kemenangan tipis.

Namun, usaha membentuk kerajaan campuran berdepan kesukaran kerana Parti Tengah menolak sebarang gabungan yang melibatkan Parti Kiri, manakala Parti Kiri pula bertegas mahu menyertai kerajaan. - ©BERNAMA

Sepanyol lulus langkah keselamatan baharu susulan nahas tren

MADRID, 4 Nov. - Kerajaan Sepanyol meluluskan beberapa langkah untuk meningkatkan keselamatan perkhidmatan kereta api, hampir seminggu selepas nahas tren berkelajuan tinggi yang mengorbankan 69 orang, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Pakej bantuan bernilai 30 juta euro (US$34 juta) untuk mangsa dan keluarga mereka turut diluluskan pada mesyuarat mingguan Kabinet pada Selasa, menurut kenyataan kerajaan pimpinan Perdana Menteri Pedro Sanchez.

Kemalangan itu berlaku pada Rabu lepas berhampiran bandar Urda, kira-kira 130 kilometer ke selatan Madrid. Sebuah tren kendalian syarikat kereta api milik kerajaan, Renfe, merempuh bahagian belakang sebuah tren kendalian pengendali swasta, Iryo, yang sedang berhenti.

Ia merupakan kemalangan tren serius kedua di Sepanyol dalam tempoh sembilan bulan. Pada Januari, seramai 46 orang maut apabila dua tren berkelajuan tinggi berlanggar di Adamuz, Andalusia.

Siasatan terhadap nahas di Urda tertumpu terutamanya kepada kegagalan sistem kawalan tren LZB dan kemungkinan kesilapan dalam arahan yang dikeluarkan oleh pusat kawalan pengendali infrastruktur kereta api Sepanyol, Adif.

Menteri Pengangkutan Oscar Puente berkata jumlah tren yang beroperasi antara Madrid dan Seville akan dikurangkan sehingga Sistem Pengurusan Trafik Kereta Api Eropah (ERTMS) yang baharu mula beroperasi di laluan berkenaan.

Sekiranya sistem LZB sedia ada gagal berfungsi, seorang lagi petugas di pusat kawalan akan dikehendaki menyemak dan mengesahkan arahan yang diberikan kepada pemandu tren. Bilangan kakitangan di pusat kawalan juga akan ditambah, manakala keadaan kerja mereka akan ditambah baik.

Mangsa dan ahli keluarga mereka akan menerima bantuan melalui pusat perhubungan khas yang diwujudkan bagi tujuan itu. Satu skim khas yang menawarkan faedah ketidakupayaan bekerja sementara turut diwujudkan bagi mereka yang cedera dalam nahas berkenaan. - ©BERNAMA

Namibia lancar projek penyimpanan bahan api, saluran paip serantau bernilai USD2.5 bilion

WINDHOEK (NAMIBIA), 5 Nov. - Namibia pada Rabu melancarkan projek saluran paip serantau dan penyimpanan petroleum bernilai kira-kira USD2.5 bilion di Walvis Bay, pantai barat negara itu, bagi memperkukuh jaminan bekalan bahan api serta meningkatkan bekalan ke negara jiran, lapor Xinhua.

Berucap pada majlis pelancaran itu, Presiden Namibia Netumbo Nandi-Ndaitwah berkata pelaburan berkenaan akan meningkatkan kapasiti penyimpanan petroleum negara, selain membantu menjamin bekalan bahan api untuk Namibia dan negara-negara tanpa akses ke laut di rantau berkenaan.

Beliau berkata langkah itu penting ketika pasaran minyak antarabangsa berdepan gangguan akibat ketegangan geopolitik dan laluan perkapalan yang terdedah kepada risiko.

Menurut Nandi-Ndaitwah, kedudukan strategik Namibia, khususnya Pelabuhan Walvis Bay serta rangkaian pengangkutan sedia ada, memberikan kelebihan kepada negara itu dalam pengedaran dan perdagangan petroleum serantau.

Sementara itu, Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif konglomerat Nigeria, Dangote Group, Aliko Dangote berkata Projek Tangki Penyimpanan Dangote Namibia dan Saluran Paip Serantau itu akan merangkumi kemudahan penyimpanan berkapasiti 600 juta liter, terdiri daripada 360 juta liter diesel dan 240 juta liter petrol.

Selain kemudahan penyimpanan, projek itu turut merangkumi cadangan pembinaan rangkaian saluran paip serantau sepanjang kira-kira 1,700 kilometer bagi menghubungkan Walvis Bay dengan pasaran di kawasan pedalaman Afrika Selatan.

Dangote berkata saluran paip yang dicadangkan itu akan dibina dari Walvis Bay menuju ke Otjiwarongo, dengan sambungan ke arah utara menuju Rundu serta ke arah timur menuju Ghanzi dan Francistown di Botswana.

Rangkaian pengedaran lebih luas itu dirancang untuk membekalkan bahan api ke Botswana, Zambia, Zimbabwe, Malawi dan bahagian selatan Republik Demokratik Congo.

Dalam pada itu, beliau menggesa supaya rakyat Namibia diberikan keutamaan dalam peluang pekerjaan yang diwujudkan menerusi projek berkenaan, diikuti rakyat dari negara Afrika lain.

Namibia sedang berusaha memperluas kerjasama perdagangan dan pelaburan dengan Nigeria berasaskan hubungan yang telah lama terjalin antara kedua-dua negara, termasuk sokongan Nigeria terhadap perjuangan kemerdekaan Namibia. - ©BERNAMA

El Nino : Peru isytihar keadaan darurat di 1,380 daerah

LIMA, 4 Nov. - Peru mengisytiharkan keadaan darurat selama 60 hari di 1,380 daerah di seluruh negara pada Selasa susulan ancaman hujan lebat yang dijangka berlaku dalam masa terdekat akibat fenomena cuaca El Nino, lapor Xinhua.

Langkah itu, yang disiarkan dalam warta rasmi El Peruano, merangkumi daerah di 24 wilayah pentadbiran dan wilayah perlembagaan Callao, termasuk kawasan di Amazonas, Ancash, Apurimac, Arequipa, Ayacucho, Cajamarca, Cusco, Huancavelica, Huanuco, Ica, Junin, La Libertad, Lambayeque, Lima, Loreto dan Madre de Dios. Ia turut merangkumi daerah di Moquegua, Pasco, Piura, Puno, San Martin, Tacna, Tumbes dan Ucayali.

Menurut dekri itu, kerajaan wilayah dan tempatan akan menyelaraskan langkah kecemasan dengan sokongan teknikal serta pemantauan daripada Institut Pertahanan Awam Kebangsaan (Indeci), serta kerjasama kementerian dan institusi awam dan swasta yang berkaitan.

Langkah berkenaan termasuk tindakan segera untuk mengurangkan risiko bencana, menangani kecemasan dan melaksanakan kerja pemulihan bagi melindungi komuniti yang terdedah kepada risiko.

Keputusan itu dibuat berdasarkan penilaian Indeci pada 30 Okt yang mengenal pasti daerah terbabit sebagai kawasan berisiko tinggi akibat hujan lebat yang dijangka berlaku.

Agensi itu memberi amaran bahawa keadaan El Nino yang berterusan di kawasan pesisir, ditambah dengan perkembangan fenomena berkenaan di bahagian tengah Lautan Pasifik berhampiran Khatulistiwa, boleh meningkatkan dengan ketara kemungkinan berlakunya hujan lebat, sekali gus memerlukan campur tangan segera kerajaan di kawasan yang terdedah kepada risiko. - ©BERNAMA

PERCUBAAN SELUDUP 102.19KG SYABU BERJAYA DIPATAHKAN

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Biro Kawalan Narkotik





SEORANG lelaki warga asing berusia 46 tahun telah ditahan oleh JKED di Pos Kawalan Sungai Tujoh pada 31 Oktober 2026 kerana didapati membawa masuk beberapa kotak mengandungi bungkusan teh yang berisi barang kesalahan narkotik (kiri dan atas).

BELAIT, Khamis, 5 November. – Kecekapan pemeriksaan dan penguatkuasaan di pintu masuk negara telah membawa kepada kejayaan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) dalam mengesan dan memintas cubaan membawa masuk sejumlah besar dadah syabu.

Seorang lelaki warga asing berusia 46 tahun telah ditahan oleh JKED di Pos Kawalan Sungai Tujoh pada 31 Oktober 2026 kerana didapati membawa masuk beberapa kotak mengandungi bungkusan teh yang berisi barang kesalahan narkotik.

Kes berkenaan telah diserahkan kepada Biro Kawalan Narkotik (BKN) bagi pemeriksaan dan siasatan lanjut.

Pemeriksaan lanjut oleh BKN mendapati bahawa individu berkenaan telah membuat percubaan untuk menyeludup masuk lima kotak yang secara keseluruhan mengandungi 100 bungkusan teh berisi syabu dengan berat kasar sebanyak 102.19 kilogram (kg).

Syabu yang dirampas berkenaan dianggarkan bernilai sekurang - kurangnya BND2.8 juta bagi pasaran tempatan.

Turut dirampas daripada tangkapan berkenaan ialah empat biji pil Erimin 5; wang tunai berjumlah RM1,180, SGD10, BND10 dan BAHT500; dua unit telefon bimbit dan sebuah kenderaan yang digunakan untuk menjalankan kegiatan penyeludupan dadah bagi membantu siasatan.

Siasatan awal BKN mendapati bahawa tangkapan berkenaan dipercayai sedang dalam perjalanan dengan menggunakan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai laluan transit sebelum menuju ke destinasi seterusnya.

Dadah syabu yang dirampas adalah bukan bagi pasaran tempatan. Tangkapan berkenaan disyaki mempunyai kaitan dengan rangkaian pengedaran dadah di negara jiran, dengan modus operandi penyeludupan yang menyerupai kes-kes terdahulu di dalam dan luar negara.

Kejayaan pemintasan kes berkenaan merupakan rekod rampasan dadah terbesar di pos kawalan yang pernah dicatatkan di NBD. Kes berkenaan mencerminkan keberkesanan usaha penguatkuasaan dan kerjasama erat antara agensi keselamatan serta penguatkuasaan negara dalam membanteras kegiatan penyeludupan dadah rentas sempadan.

Selain itu, ia juga membuktikan komitmen berterusan NBD dalam memperkukuh kawalan sempadan dan membendung ancaman pengedaran dadah yang semakin kompleks serta bersifat rentas negara. Kejayaan berkenaan juga merupakan hasil kerjasama bersama Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Polis Diraja Malaysia yang terus memberikan sokongan dan kerjasama dalam menangani jenayah merentasi sempadan.

Adalah dengan ini ditekankan bahawa NBD bukanlah sebuah negara yang boleh digunakan sebagai laluan transit dalam menjalankan kegiatan penyeludupan bahan-bahan tegahan termasuk dadah. Sebarang percubaan untuk menggunakan negara ini sebagai negara destinasi atau transit tidak akan dikompromi dan usaha pembanterasan akan terus dipergiatkan melalui penguatkuasaan yang tegas.

Syarikat dikompaun kerana buang cecair kotor di tempat awam

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Khamis, 5 November. - Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong telah mengeluarkan kompaun terhadap sebuah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan - kesalahan Rampai (Penggal 30) iaitu U Home Café (Waroeng Penyet Bowl) Cawangan Tutong bertempat di Berjaya Complex, Kampung Petani, Tutong dengan tawaran kompaun Bab 12 (1) (c) BND2,000 Skala Besar.

Syarikat berkenaan dikenakan denda kompaun sebanyak BND2,000 di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampai (Penggal 30), dan dikehendaki untuk menjelaskan kompaun dalam tempoh tujuh hari.

Jika gagal membayar denda tersebut dalam masa tujuh hari dari tarikh kompaun dikeluarkan maka syarikat tersebut boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000, dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong sentiasa memberi peringatan kepada mana-mana individu ataupun badan-badan korporat agar mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa di negara ini bagi sama-sama menjaga kebersihan kawasan dan alam sekitar dengan membuang bahan-bahan buangan di kawasan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Sebarang aduan boleh menghubungi menerusi Talian Hotline +673 7422084.







UNIT Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong mengeluarkan kompaun terhadap sebuah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-kesalahan Rampai (Penggal 30) (kiri, bawah kiri dan bawah).

DARI MAHKAMAH

Miliki mercun tanpa permit : Lelaki tempatan didenda

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 November. - Majistret, Malai Sharifah Nur Baqiyyah binti Malai Shahran telah menjatuhkan hukuman denda terhadap seorang lelaki warga tempatan atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d), Perintah Eksais 2006 iaitu atas kesalahan memiliki mercun tanpa permit yang sah.

Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND7,536 atau pemenjaraan selama tujuh bulan sekiranya gagal menjelaskan denda tersebut terhadap Mohammad Mahdi Khairuddin bin Simran, 50 tahun kerana memiliki sebanyak 96 kotak dan 78 paket mercun daripada pelbagai jenis.

Defendan telah ditangkap pada 24 April 2026, kira-kira pukul 10.10 pagi, bertempat di sebuah rumah di kawasan Rancangan Perumahan Negara Kampung Tanah Jambu. Semua barang yang terlibat, iaitu mercun berkenaan, telah diperintahkan untuk dirampas dan diserahkan kepada kerajaan bagi tujuan pelupusan.

PELITA BRUNEI

PENANDATANGANAN PERJANJIAN PENAJAAN, RAKAN KERJASAMA BAGI ALPHA X 2026



MAJLIS Menandatangani Perjanjian Penajaan dan Rakan Kerjasama bagi Alpha X 2026.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 November. - D'Sunlit Sendirian Berhad hari ini mengadakan Majlis Menandatangani Perjanjian Penajaan dan Rakan Kerjasama bagi Alpha X 2026, yang menandakan kerjasama rasmi antara pihak penganjur dengan para penaja dan rakan kerjasama dalam membuat persiapan bagi edisi ke-10 acara ketahanan fizikal terkemuka di negara ini.

Hadir mewakili pihak penganjur ialah Pengurus Operasi D'Sunlit Sdn. Bhd., Ngu Tiing Siang dan Ketua Perhubungan Jualan D'Sunlit Sdn. Bhd., Mike Chia.

Edisi Ke-10 Alpha X 2026 membawa makna yang cukup istimewa kerana ia merupakan edisi terakhir bagi The Alpha Challenge.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2017, acara berkenaan telah berkembang menjadi antara acara kecergasan berasaskan halangan yang dikenali di Negara Brunei Darussalam, dengan menghimpunkan individu, keluarga dan peminat kecergasan untuk menguji ketahanan fizikal, kekuatan serta keazaman melalui pelbagai cabaran halangan.

Bagi tahun ini, acara tersebut dijadualkan berlangsung pada 29 November 2026 bertempat di Pantai Muara, yang memberikan peluang kepada para peserta untuk sama-sama menyertai babak terakhir perjalanan Alpha Challenge.

Selaras dengan semangat untuk terus mencabar batas kemampuan dan mengatasi setiap halangan, Alpha X 2026 akan menampilkan tiga kategori yang bersesuaian dengan tahap kecergasan dan keupayaan para peserta.

Kategori Fun Run menawarkan laluan sejauh 3 kilometer (km) dengan lima halangan, yang direka khas untuk keluarga serta peserta yang menginginkan pengalaman kecergasan yang menyeronokkan dan mudah disertai.

Sementara itu, Kategori Omega Challenge menawarkan laluan sejauh 5km dengan lapan halangan bagi mereka yang inginkan cabaran fizikal yang lebih mencabar.

Manakala Kategori Alpha Challenge pula menampilkan laluan kompetitif sejauh 7.8km dengan 18 halangan, yang direka untuk menguji kekuatan, ketahanan fizikal serta daya tahan mental para peserta.

Edisi yang cukup bermakna ini turut mendapat sokongan daripada seramai 32 penaja dan rakan kerjasama rasmi, sekali gus mencerminkan sokongan padu serta kerjasama komuniti perniagaan tempatan terhadap penganjuran acara berkenaan.

Antara penaja rasmi yang terlibat ialah NBT (Brunei) Sdn. Bhd.; Imagine Sdn. Bhd.; Swee Wah Enterprise Sdn. Bhd.; Bank of China; Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd.; Tile Directories (B) Sdn. Bhd.; Bobby Electrical Co. Sdn. Bhd.; Brown Hill Traders; Current Voltage; Dimension Company; Gold Throne Sdn. Bhd.; Ideal Group Holdings Sdn. Bhd.; Jackhan Sdn. Bhd.; LSL Sdn. Bhd.; Netbytz Sdn. Bhd.; Normila Sdn. Bhd.; Sahid Sendirian Berhad; Seri Utama Engineering Sdn. Bhd.; Sim Kim Huat Trading Co. Sdn. Bhd.; Syarikat Perniagaan Malar Setia; Technotest Sdn. Bhd.; W.H. Jaya Enterprise; dan Waznah Nor Enterprise.

Manakala rakan kerjasama rasmi terdiri daripada Aewon Garment & Embroidery Sdn. Bhd.; Chop Kian Chuang; Fuora Sport; Hui Huang Enterprise; Savinglife Resources; TLT Enterprise; Forged Fitness; Dynamic Sports; dan Universiti Brunei Darussalam.

D'Sunlit Sdn. Bhd. merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua penaja serta rakan kerjasama atas sumbangan dan sokongan berterusan yang diberikan.

Dengan berlangsungnya Alpha X 2026 sebagai edisi terakhir The Alpha Challenge, edisi ke-10 yang bersejarah ini mengundang para peserta untuk menjadi sebahagian daripada babak terakhir berkenaan serta mengambil peluang terakhir untuk mencabar kemampuan diri, mengatasi halangan dan bersama-sama menamatkan perlumbaan.

Untuk maklumat lanjut dan pendaftaran, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang *https://thealphachallengebn.com* atau mengikuti akaun Instagram *@thealphachallengebn.*

Pasukan Daerah Tutong tewaskan MS ABDB 2 - 1

Berita dan Foto : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan



SEKITAR perlawanan berkenaan yang berlangsung di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Tutong.

TUTONG, Rabu, 4 November. - Saingan dalam temasya Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-V, Tahun 2026 bagi acara bola sepak diteruskan lagi pada malam kelmarin dengan menyaksikan perlawanan menarik antara Pasukan Daerah Tutong dan Pasukan MS ABDB.

Dalam perlawanan yang berlangsung di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Tutong tersebut berkesudahan dengan menyaksikan kemenangan berpihak kepada Pasukan Daerah Tutong dengan keputusan akhir 2-1.

Kedua-dua jaringan Pasukan Daerah Tutong dihasilkan pada separuh masa pertama perlawanan iaitu pada minit ke-15 dan ke-21 menerusi pemain penyerangnya, Onyedikashukwu Martins.

Tersentak dengan kedua jaringan tersebut, Pasukan MS ABDB tidak menunggu lama untuk mengatur serangan balas sehinggalah jaringan tunggal Pasukan MS ABDB berjaya dihasilkan pada minit ke-24 menerusi SLD Md. Abu Bakar Ash-shiddiq bin Awang Mahmud menjadikan kedudukan kepada 2-1.

Setelah gol tersebut dua-dua pasukan saling berbalas serangan ke kubu pertahanan masing-masing sehinggalah pengadil meniupkan wisel penamat di babak pertama perlawanan.

Memasuki separuh masa kedua perlawanan, pasukan tuan rumah, Pasukan Daerah Tutong dilihat lebih agresif melakukan serangan dan hampir berjaya menjaringkan beberapa gol tambahan namun berhasil ditepis oleh penjaga gawang Pasukan MS ABDB sehinggalah berakhirnya perlawanan berlangsung.

Acara sukan bola sepak merupakan salah satu acara daripada 10 acara yang dipertandingkan pada temasya SKBD kali ini yang diharapkan dapat menjadi platform pertandingan yang kompetitif, memperkukuh semangat kesukanan dan perpaduan serta melahirkan para atlet berpotensi untuk mewakili Negara Brunei Darussalam di kejohanan serantau dan antarabangsa di samping dihasrat dapat dijadikan sebagai wadah bagi menghimpunkan atlet-atlet dari seluruh negara untuk bersaing dalam acara sukan yang dipertandingkan.

Kasuka FC kutip 3 mata penuh

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

BERAKAS, Khamis, 5 November. - Kasuka FC meneruskan rentak cemerlang dalam saingan Liga Super Brunei (BSL) 2026/2027 apabila berjaya menewaskan MS ABDB dengan keputusan 2 - 0 pada perlawanan yang berlangsung di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, malam tadi.

Kemenangan berkenaan menyaksikan Kasuka FC terus mengekalkan rekod sempurna apabila berjaya memenangi kesemua tiga perlawanan liga setakat ini.

Kasuka FC membuka tirai jaringan seawal minit ke-18 menerusi Samuel Kojo Abbey, sebelum Md. Khairil Shahme menggandakan kelebihan pada minit ke-34 untuk meletakkan pasukannya mendahului 2-0 sehingga tamat babak pertama.

Memasuki babak kedua, MS ABDB tampil dengan corak permainan lebih agresif dalam usaha merapatkan jurang jaringan. Beberapa pertukaran pemain turut dilakukan bagi memperkukuh jentera serangan dan meningkatkan tekanan ke arah kubu pertahanan Kasuka FC.

Bagaimanapun, Kasuka FC terus memperlihatkan disiplin permainan yang baik serta memperkemaskan benteng pertahanan bagi mengekang asakan MS ABDB, sekali gus mempertahankan kelebihan dua jaringan berkenaan.

Perlawanan bagaimanapun terpaksa dihentikan sementara pada minit ke-74 berikutan kejadian kilat pada pukul 9.54 malam.

Selepas penangguhan selama 15 minit bagi membolehkan pengadil dan pegawai perlawanan menilai keadaan cuaca, aksi disambung semula pada pukul 10.09 malam dengan permainan diteruskan dari minit ke-74.

Kasuka FC berjaya mempertahankan kelebihan sehingga wisel penamat dibunyikan, sekali gus mengesahkan kemenangan 2-0 dan membawa pulang tiga mata penuh.

Kemenangan berkenaan sekali gus menyaksikan Kasuka FC meneruskan momentum positif dengan mencatatkan tiga kemenangan daripada tiga perlawanan liga serta mengekalkan rekod tanpa bolos setakat ini.

Sementara itu, saingan BSL 2026/2027 akan diteruskan dengan beberapa perlawanan pada minggu ini.

Rimba Star FC akan menentang MS PPDB, manakala BSRC FC akan bertemu dengan Panchor Murai FC pada Jumaat, 6 November 2026.

Pada Sabtu, 7 November 2026 pula, Jerudong FC dijadualkan bertemu Indera SC.

Dua lagi perlawanan akan berlangsung pada Ahad, 8 November 2026, iaitu KB FC bertemu dengan Kasuka FC, manakala Wijaya FC bakal berentap dengan DPMM FC II.



ANTARA aksi para pemain di antara Kasuka FC dengan MS ABDB dalam saingan Liga Super Brunei (BSL) 2026/2027.

PENYERAHAN BENDERA KONTINJEN DBM



SESI bergambar ramai pada Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Daerah Brunei dan Muara (DBM) bagi Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Kali Ke-V, Tahun 2026.

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 November. - Kontinjen Daerah Brunei dan Muara (DBM) akan menghantar lebih 200 atlet dan petugas, termasuk pengurus serta jurulatih, bagi menyertai kesemua 10 acara yang dipertandingkan pada Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Kali Ke-V, Tahun 2026.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen DBM bagi temasya sukan berkenaan telah berlangsung di Dewan Teater, Jabatan DBM.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan daripada Pegawai DBM, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim selaku Penasihat Kontinjen DBM.

Majlis diteruskan dengan pengenalan baju rasmi kontinjen, sebelum penyerahan bendera kontinjen disempurnakan oleh Pegawai DBM kepada Pemangku Penolong Pegawai DBM, Awang Mohd. Abdul Hadi bin Haji Mohd. Syarifuddin selaku Ketua Kontinjen DBM bagi SKBD Ke-V, Tahun 2026.

Bendera berkenaan seterusnya diserahkan kepada pembawa bendera kontinjen, Awang Kasyful Asymawi bin Haji Khairul Arifin, yang merupakan pemenang pingat emas dalam acara Supercak Track Challenge bagi pencapaian 800 meter.

Majlis turut diselajurkan dengan penyerahan baju rasmi kontinjen DBM kepada pengurus-pengurus acara yang akan bertanding, serta penyampaian sijil-sijil penghargaan kepada para penaja kontinjen sebagai tanda penghargaan atas sokongan dan sumbangan yang diberikan.

Hua Ho Department Store & Hua Ho Agricultural Farm adalah penaja bagi baju rasmi kontinjen DBM. Manakala senarai para penaja yang lain terdiri daripada GHK Motors Sdn. Bhd.; Cityneon Displays & Construction Sdn. Bhd.; Mr. Lim Han Chiong (BIOCARE); Kingston Beverage & Creamery Sdn. Bhd.; Printmartz; DCON Sdn. Bhd.; Beauteeleven; Binti Gym; Mikaleeqa Sport Management dan DCS Services Sdn. Bhd.

Penyertaan kontinjen berkenaan diharapkan dapat memberikan semangat kepada para atlet untuk beraksi dengan cemerlang, di samping mengharumkan nama negara dalam temasya sukan kebangsaan tersebut.

Memupuk gaya hidup sihat dalam kalangan pelajar



MINI Marathon SR YSHHB 2026 bertujuan untuk para pelajar dan guru dapat mengisi masa lapang dan merehatkan minda dengan aktiviti larian mini berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 November. - Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) telah mengadakan Mini Marathon SR YSHHB 2026, bertempat di sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara berkenaan dan seterusnya merasmikan Mini Marathon SR YSHHB 2026 bagi semua kumpulan serta menyampaikan pingat kemenangan kepada pemenang, Pengetua SR YSHHB, Dayang Hajah Hafizah binti Haji Salat.

Mini Marathon SR YSHHB 2026 berkenaan adalah salah satu aktiviti yang terkandung dalam aktiviti kokurikulum sekolah dan setiap tahun diungkayahkan oleh Unit Kokurikulum sekolah berkenaan.

Pada tahun ini, acara Mini Marathon SR YSHHB 2026 diadakan pada November, iaitu selepas peperiksaan akhir tahun agar para pelajar dan guru dapat mengisi masa lapang dan merehatkan minda dengan aktiviti larian mini berkenaan.

Sasaran penyertaan adalah para pelajar Tahun 1 hingga Tahun 6 dengan keramaian 1,000 pelajar.

Mini Marathon SR YSHHB 2026 berkenaan dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu Kumpulan 'A' bagi Tahun 1 dan Tahun 2; Kumpulan 'B' bagi Tahun 3 dan Tahun 4; dan Kumpulan 'C' bagi Tahun 5 dan Tahun 6. Setiap kumpulan akan diambil 10 pemenang, iaitu lima daripada pelajar lelaki dan lima daripada pelajar perempuan.

Antara objektif Mini Marathon SR YSHHB 2026 berkenaan ialah bagi menggalakkan pelajar melibatkan diri dengan acara fizikal dan pergerakan badan, membudayakan kehidupan yang cergas dan sihat, melatih pelajar bersaing secara sihat dan selamat, serta mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah.

Bola sepak platform memupuk keterangkuman, silaturahim

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Ihsan Singapore Association

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 6 November. – Seramai 30 pelajar dari Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan) menyertai Klinik Bola Sepak Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bersama legenda bola sepak Republik Singapura, Fandi Ahmad, yang berlangsung di padang bola sepak, Peak Club pagi tadi.

Program yang dianjurkan oleh Singapore Association (SA) di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan sokongan Suruhanjaya Tinggi Republik Singapura di NBD berkenaan bertujuan untuk memberi inspirasi kepada golongan belia menerusi sukan bola sepak, menggalakkan keterangkuman dan semangat kesukanan, di samping memberi peluang kepada persatuan berkenaan untuk menyumbang kembali kepada masyarakat setempat serta memperkukuh hubungan persahabatan dan silaturahim antara rakyat Republik Singapura dan NBD yang telah terjalin sekian lama.

Singapore Airlines (SIA), selaku penaja rasmi syarikat penerbangan bagi program berkenaan, turut melaksanakan aktiviti CSR tersendiri bersama Pusat Ehsan.

Fandi, yang merupakan bekas kapten pasukan kebangsaan Republik Singapura, mencipta sejarah sebagai pemain bola sepak pertama dari Republik Singapura yang beraksi secara profesional di Eropah apabila mewakili FC Groningen di Belanda.

Dalam temu bual bersama Pelita Brunei, Fandi Ahmad berasa sangat gembira berpeluang menjadi sebahagian daripada program berkenaan bersama-sama dengan pasukan dan komiti dari Brazilian Football Academy (BFA Brunei) yang turut membantu menjayakan klinik berkenaan yang melibatkan beberapa pelajar dan individu berkeperluan khas dari Pusat Ehsan.

"Kami sangat gembira dapat berada di sini, dan saya juga membawa beberapa orang jurulatih dari Republik Singapura, dan sudah semestinya, kami juga turut dibantu oleh pihak Brunei dari Brazilian Academy kerana terdapat begitu ramai pelajar yang menyertai aktiviti ini.

"Saya lihat mereka sangat teruja, tetapi kami tidak boleh memaksa mereka melakukan latihan terlalu berat kerana mengambil kira kemampuan fizikal mereka.

"Kami bimbang sekiranya berlaku kecederaan. Jadi, kami hanya menjalankan latihan asas yang ringan. Apa yang paling penting, kami mahu mereka menikmati sesi latihan ini bersama rakan-rakan, keluarga dan terutamanya ibu bapa mereka," ujarnya lagi.

Fandi Ahmad turut berasa gembira kerana kanak-kanak berkenaan dapat dikawal dengan baik oleh para petugas. Mereka tidak berlari ke sana sini seperti kebiasaannya.

Beliau juga agak terkejut kerana mereka begitu berdisiplin dan mendengar arahan. Perkara berkenaan berlaku kerana pihaknya telah menyediakan program yang tersusun dengan membahagikan mereka kepada beberapa kumpulan, iaitu Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3.

Setiap kumpulan katanya lagi, ditempatkan di kawasan masing-masing supaya mereka kekal di tempat yang telah ditetapkan, dan bagi sesi latihan berkenaan, mereka telah dibahagikan kepada beberapa sektor kumpulan masing-masing.

Fandi Ahmad seterusnya berkata, para pelajar juga kelihatan sangat menikmati dan selesa menyertai aktiviti berkenaan, serta turut menzahirkan penghargaan kepada komuniti yang telah membawa mereka ke sini, semua pihak yang terlibat serta para penaja yang telah membantu anak-anak berkenaan untuk turut serta dalam aktiviti tersebut.

Klinik berkenaan merupakan sebahagian daripada program tiga hari Singapore Association x Fandi Ahmad Football Clinic 2026, yang merangkumi klinik bola sepak belia pada Sabtu ini, Program CSR di Daerah Temburong pada Ahad dengan kerjasama Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM), yang melibatkan pelajar dari Sekolah Rendah Rataie dan Sekolah Sukan, serta sesi ramah mesra bersama Fandi Ahmad pada petang Ahad.

Turut hadir pada acara berkenaan, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi dan Menteri Kaunselor, Suruhanjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD, Mr. Guo Weimin; dan Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin.



KLINIK berkenaan bertujuan untuk memberi inspirasi kepada golongan belia menerusi sukan bola sepak, menggalakkan keterangkuman dan semangat kesukanan.

PELITA BRUNEI

SUKAN

ePaper Pelita Brunei

SKBD KE-V : PLATFORM KENAL PASTI, CUNGKIL BAKAT ATLET MUDA

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



TIMBALAN Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) hadir mempengerusikan sidang media mengenai persediaan SKBD Ke-V, Tahun 2026 dan seterusnya bergambar ramai.

BERAKAS, Khamis, 5 November. – Seramai 1,071 atlet akan menyertai Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam Ke-V (SKBD Ke-V), Tahun 2026 yang bakal berlangsung dari 7 hingga 14 November 2026 ini, dengan mempertandingkan 10 acara sukan.

Kejohanan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dengan kerjasama Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam berkenaan akan menyaksikan sebanyak 536 pingat menjadi rebutan, terdiri daripada 149 emas, 149 perak dan 238 gangsa.

Perkara berkenaan dikongsikan semasa sidang media mengenai persediaan SKBD Ke-V, Tahun 2026 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB), Berakas di sini.

Sidang media berkenaan dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid, selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja SKBD Ke-V, Tahun 2026.

Turut hadir, Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim selaku Setiausaha Bersama; Pemangku Timbalan Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Awang Mohammad Faisal bin Haji Mat Salleh, selaku Timbalan Setiausaha Bersama; dan Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Awang Haji Mohd. Zaki bin Haji Hassanol As'shari, selaku Ketua Bersama Jawatankuasa Promosi, Penyiaran dan Komunikasi.

SKBD merupakan kejohanan peringkat kebangsaan yang menjadi wadah menghimpunkan atlet dari seluruh negara untuk bersaing dalam pelbagai acara sukan. Kejohanan berkenaan juga berperanan sebagai platform untuk mengenal pasti bakat atlet yang berpotensi, khususnya dalam kalangan belia, sebagai persediaan mewakili negara ke kejohanan sukan berprestij di peringkat serantau dan antarabangsa.

Penganjuran SKBD pada tahun ini merupakan kali kelima sejak ia mula diadakan pada 2012.

Bertemakan 'Bersama Mengejar Kegemilangan', SKBD Ke-V menekankan semangat kebersamaan dalam mencapai kecemerlangan sukan melalui kerjasama, perpaduan dan semangat kesukanan. Kecemerlangan sukan bukan sahaja menjadi kebanggaan bersama, malah berperanan sebagai wadah menyatupadukan masyarakat serta menyumbang kepada pembentukan negara yang harmoni, maju, berdaya saing dan gemilang.

Sebanyak tujuh kontinjen akan mengambil bahagian yang terdiri daripada kontinjen Daerah Brunei dan Muara, kontinjen Daerah Belait, kontinjen Daerah Tutong, kontinjen Daerah Temburong, Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Majlis Sukan Pasukan Polis Diraja Brunei dan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam.

Sementara itu, sebanyak 10 acara sukan yang dipertandingkan ialah akuatik, badminton, bola jaring, bola sepak, futsal, karate, olahraga, pencak silat, sepak takraw dan tarik kalat.

Acara akuatik akan berlangsung pada 6 hingga 8 November 2026 di Kolam Renang Kebangsaan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (KSNHB), Berakas; manakala badminton pada 9 hingga 13 November 2026 di Kompleks Sukan Tutong; sementara bola jaring pada 5 hingga 12 November 2026 juga mengambil tempat di Kompleks Sukan Tutong dan Stadium Tertutup, KSNHB, Berakas.

Bagi acara bola sepak, pertandingan berlangsung dari 31 Oktober hingga 13 November 2026 di beberapa lokasi, iaitu SNHB, Padang dan Balapan KSNHB, Kompleks Sukan Berakas, Kompleks Sukan Tutong serta Kompleks Sukan Temburong.

Sementara itu, sukan futsal akan diadakan pada 7 hingga 13 November 2026 di Dewan Serbaguna dan Stadium Tertutup, KSNHB, Berakas; manakala karate pada 9 hingga 11 November 2026 di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan; dan olahraga pada 10 hingga 12 November 2026 di SNHB, Berakas.

Bagi sukan pencak silat pula akan diadakan pada 7 hingga 13 November 2026 di Dewan Serbaguna, KSNHB, Berakas; manakala sepak takraw pada 7 hingga 13 November 2026 dan tarik kalat pada 9 hingga 10 November 2026, masing-masing di Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Majlis Pembukaan Rasmi SKBD Ke-V, Tahun 2026 dijadualkan berlangsung pada Ahad, 8 November 2026, pukul 4.00 petang di Stadium Tertutup, KSNHB, Berakas.

Antara pengisian majlis ialah perarakan lalu kontinjen dan ucapan deklarasi pembukaan kejohanan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada Majlis Perasmian berkenaan nanti, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Orang ramai dialu-alukan untuk hadir menyaksikan Majlis Pembukaan Rasmi serta memberikan sokongan kepada para atlet di kesemua perlawanan sepanjang kejohanan berlangsung.

Maklumat lanjut mengenai SKBD Ke-V, Tahun 2026 boleh diperoleh melalui laman sesawang *www.belia-sukan.gov.bn/skbd/* atau Instagram *@officialskbd.bn*.

Raphinha lanjut kontrak bersama Barcelona hingga 2030

MADRID, 6 Nov. - Penyerang Brazil, Raphinha menandatangani kontrak baharu bersama Barcelona yang menyaksikan beliau kekal bersama kelab Sepanyol itu sehingga 2030, lapor PA Media/dpa.

Walaupun kontrak pemain berusia 29 tahun itu masih berbaki dua tahun, namun juara La Liga berkenaan mengambil langkah untuk memastikan khidmat Raphinha terus kekal bersama kelab itu susulan permulaan musim yang cemerlang.

Pemain antarabangsa Brazil itu telah menjaringkan 19 gol dalam 13 penampilan sejak bermain di posisi penyerang utama pasukan.

Beliau turut menjaringkan dua gol ketika membantu Barcelona mencatat kemenangan 3-0 ke atas Aston Villa dalam saingan Liga Juara-Juara Eropah pada Selasa.

"Saya berharap dapat kekal untuk beberapa tahun lagi dan terus beraksi selagi keadaan fizikal mengizinkan. Saya melakukan segala yang termampu untuk kelab ini," kata Raphinha di laman sesawang rasmi kelab itu selepas menandatangani kontrak baharu berkenaan.

Barcelona gagal mendapatkan khidmat Julian Alvarez dari Atletico Madrid pada penghujung musim lalu, menyebabkan pengurus Hansi Flick mencari penyelesaian dalam kalangan pemain sedia ada.

Raphinha sebelum ini lebih kerap beraksi di bahagian sayap bersama Barcelona, namun menunjukkan prestasi cemerlang sejak ditukar ke posisi penyerang.

"Saya sudah bertukar posisi dan sedang berusaha memberikan yang terbaik untuk semua pihak. Saya cuba menyesuaikan diri dengan apa sahaja yang diminta daripada saya. Saya menikmatinya dan ia menjadi lebih mudah dengan kualiti pemain yang kami miliki dalam pasukan ini," katanya.

Menurut Raphinha, prestasinya ketika ini sangat baik walaupun masih belum mencapai tahap 100 peratus. Namun, penyokong tidak perlu bimbang kerana beliau sentiasa menjaga diri dan melakukan segala yang termampu untuk berada pada tahap terbaik.

"Masih ada satu trofi yang belum saya menangi, tetapi saya mahu memenangi sebanyak mungkin trofi bersama kelab ini dari sekarang hingga 2030," katanya.

Barcelona kini mendahului carta La Liga dengan 10 kemenangan daripada 11 perlawanan dalam usaha mempertahankan kejuaraan yang dimenangi musim lalu. - ©BERNAMA

TAHUKAH AWDA

MENURUT Akta Undang-undang Keluarga Islam Penggal 217, warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam (NBD) yang hendak berkahwin sama ada di dalam NBD ataupun di luar negara hendaklah terlebih dahulu mendapatkan suatu kebenaran berkahwin daripada Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan Ruju' Orang Islam (PPPPROI) atau 4PROI di setiap daerah di mana pemohon lazimnya bermastautin. Antara perkara yang perlu dipastikan dalam siasatan 4PROI adalah mengenal pasti status perkahwinan pemohon sama ada bujang, beristeri atau bercerai, hidup atau mati.

SUMBER : *Pelita Brunei edisi Mac 2026*